

## **TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET (PERNIAGAAN) UOB ("Terma dan Syarat")**

### **1. DEFINISI DAN TAFSIRAN**

Untuk Terma dan Syarat ini, ungkapan berikut mempunyai makna seperti yang diberikan di bawah, kecuali dinyatakan sebaliknya dengan jelas:-

- 1.1 "Akaun" bermakna akaun atau akaun-akaun yang dibuka atau dikekalkan oleh anda dengan kami atau Kumpulan kami dari semasa ke semasa yang dikaitkan kepada Perkhidmatan yang akan termasuk Akaun yang Ditetapkan.
- 1.2 "Saluran Komunikasi yang Diluluskan" bermakna saluran komunikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada telefon, komputer atau apa-apa cara elektronik yang mungkin diluluskan oleh kami dari semasa ke semasa yang memerlukan pengesahan kod keselamatan tertentu yang diperlukan untuk saluran komunikasi masing-masing) yang anda boleh gunakan untuk mengeluarkan Arahan kepada kami.
- 1.3 "Individu yang Diluluskan" bermakna mana-mana individu yang diberi kuasa oleh anda untuk bertindak bagi pihak anda dalam memberi arahan, dan/atau melaksanakan atau menandatangani apa-apa dokumen yang mungkin diperlukan di bawah Terma dan Syarat atau Perkhidmatan ini.
- 1.4 "Hari Perniagaan" bermakna mana-mana hari kami terbuka untuk perniagaan, dan hari-hari lain sedemikian yang kami mungkin isytiharkan pada budi bicara mutlak kami.
- 1.5 "Pusat Panggilan" bermakna Pusat Panggilan UOB di mana butirannya dinyatakan dalam Klausa 29.1 di bawah.
- 1.6 "kod" bermakna sebarang kod atau kod-kod yang digunakan untuk mengesahkan identiti Pengguna Pelanggan dan membenarkan transaksi dijalankan.
- 1.7 "Pentadbir Syarikat" bermakna individu yang dilantik oleh Individu yang Diluluskan oleh anda dalam Borang untuk menguruskan Akaun anda, untuk mengawal

penciptaan dan/atau pembatalan ID Pengguna, untuk membolehkan penggunaan kata laluan pengguna sekiranya ID Pengguna berkaitan telah tersekat masuk.

- 1.8 “Penandatanganan Syarikat” bermakna individu yang dilantik oleh Individu yang Diluluskan oleh anda dalam Borang untuk membenarkan atau menolak transaksi yang dikemukakan oleh Pengguna Syarikat, dan untuk melaksanakan atau membenarkan apa-apa transaksi dijalankan melalui Perkhidmatan.
- 1.9 “Pengguna Syarikat” bermakna individu yang dilantik oleh Pentadbir Syarikat untuk bertanya mengenai baki Akaun, untuk menyemak dan memulakan transaksi dari Akaun dan/atau Perkhidmatan bagi pihak anda.
- 1.10 “Pelanggan Gabungan” bermakna mana-mana individu, badan korporat, perkongsian, firma atau entiti lain di mana pelanggan secara langsung atau tidak langsung:
- i) memiliki lebih separuh daripada modal atau aset perniagaan;
  - ii) mempunyai kuasa untuk melaksanakan lima puluh peratus (50%) atau lebih daripada hak mengundi dalam entiti tersebut;
  - iii) mempunyai kuasa untuk mengarah atau mempengaruhi arahan atau pengurusan am atau hal ehwal entiti berkenaan;
  - iv) mempunyai kuasa untuk melantik lebih daripada separuh ahli lembaga penyeliaan, lembaga pengarah atau badan undang-undang yang mewakili entiti tersebut; atau
  - v) mempunyai hak untuk menguruskan perniagaan entiti tersebut.
- 1.11 “Pengguna Pelanggan” bermakna mana-mana Pentadbir Syarikat, Penandatanganan Syarikat dan/atau Pengguna Syarikat yang dibenarkan oleh anda dari semasa ke semasa untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan.
- 1.12 “Akaun yang Ditetapkan” bermakna mana-mana Akaun yang telah ditetapkan oleh anda dalam Borang (dan jika anda tidak menetapkan sesuatu Akaun, Akaun sedemikian yang kami mungkin tetapkan pada budi bicara mutlak kami) yang kami akan debit untuk pembayaran fi, kos, caj, cukai, levi, perbelanjaan, dan faedah/pampasan yang kami mungkin kenakan untuk penggunaan Perkhidmatan, termasuk fi langganan dan sebarang fi tambahan bagi setiap transaksi terpilih di bawah Perkhidmatan.

- 1.13 “ePenyata” bermakna penyata elektronik yang disediakan untuk paparan melalui Perkhidmatan berikutan pendaftaran anda untuk perkhidmatan ePenyata bagi Akaun.
- 1.14 “Borang” bermakna Borang Langganan Perbankan Internet (Perniagaan) UOB - Transaksi (“**Borang Transaksi**”) atau Borang Langganan Perbankan Internet (Perniagaan) UOB – Pertanyaan (“**Borang Pertanyaan**”), yang mana berkenaan, atau apa-apa nama lain yang mungkin ditentukan oleh kami bagi tujuan permohonan anda kepada kami untuk melanggan Perkhidmatan tersebut.
- 1.15 “Kumpulan” bermakna cawangan, agensi, wakil, pegawai, syarikat bergabung, bersekutu atau berkaitan, dan pegawai, kakitangan atau agen mereka masing-masing, sama ada di Malaysia atau di tempat lain.
- 1.16 “Arahan” bermakna permintaan atau arahan yang diterima oleh kami menurut penggunaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, kod dan Token anda yang dihantar melalui Perkhidmatan mengikut prosedur dan garis panduan sedemikian yang kami mungkin tetapkan dari semasa ke semasa untuk penghantaran permintaan atau arahan tersebut.
- 1.17 “Proses Undang-undang” mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sebarang proses pemula yang termasuk writ saman dan saman pemula serta apa-apa bentuk proses pemula, rayuan, permohonan interlokutori, afidavit, perintah, penghakiman dan apa-apa dokumen lain yang perlu disampaikan di bawah sebarang undang-undang bertulis dan notis sedemikian di bawah Akta Kebankrapan 1967 dan Kanun Tanah Negara 1965.
- 1.18 “Surat Tawaran” bermakna surat tawaran, jika ada, yang dikeluarkan kepada anda oleh kami berhubung dengan Perkhidmatan.
- 1.19 “Pembekal Perkhidmatan Rangkaian” bermakna mana-mana pembekal perkhidmatan internet atau pembekal perkhidmatan dalam talian komersial yang menyediakan sambungan internet ke jaringan sejagat.

- 1.20 “Kami” atau “kita” bermakna United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) yang mempunyai pejabat berdaftar di Aras 11, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur dan cawangannya di Malaysia.
- 1.21 “Kata Laluan” bermakna nombor pengenalan peribadi yang unik, kod, perkataan, gambaran, atau pengenalan lain (elektronik atau sebaliknya) yang diberikan kepada anda, termasuk apa-apa nombor yang anda boleh pilih sebagai pengganti untuk menggunakan Perkhidmatan.
- 1.22 “Data Peribadi” mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, pekerjaan, butiran perhubungan, maklumat yang diperoleh daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej anda di Televisyen Litar Tertutup (*Closed Circuit Television* atau CCTV)), maklumat yang terkandung dalam Akaun yang dipegang oleh anda sama ada secara tunggal atau bersama dengan mana-mana individu lain, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang anda telah melanggan dengan kami serta data lain sedemikian yang diperlukan mengenai diri anda dan transaksi anda dengan kami.
- 1.23 “PIN” bermakna nombor pengenalan peribadi yang unik atau kod yang kami berikan kepada Pengguna Pelanggan atau sebaliknya yang dipilih oleh Pengguna Pelanggan yang perlu dimasukkan ke dalam Token.
- 1.24 “Perkhidmatan Pendaftaran Masuk Tunggal” bermakna ciri tambahan dalam Perkhidmatan, yang dihuraikan dengan lebih khusus dalam Klausu 3.16 di bawah.
- 1.25 “Perkhidmatan” bermakna Perkhidmatan Perbankan Internet (Perniagaan) tertakluk kepada Klausu 2.4 di bawah, yang terutamanya merupakan suatu perkhidmatan yang menambah atau melengkapi kemudahan perbankan dan kemudahan lain, perkhidmatan dan produk yang diberikan atau disediakan oleh kami kepada anda dengan membolehkan anda menjalankan urusan niaga perbankan dengan kami melalui perantaraan elektronik internet.
- 1.26 “Token” bermakna suatu peranti keselamatan peribadi yang dikeluarkan kepada setiap Pengguna Pelanggan yang menjana kod bagi tujuan menentusah dan mengesahkan identiti Pengguna Pelanggan, yang diperlukan untuk log masuk dan daftar masuk serta untuk melaksanakan transaksi.

- 1.27 “ID Pengguna” bermakna kod pengenalan unik yang dikeluarkan dan diberikan oleh kami kepada anda dan/atau diwujudkan oleh Pengguna Pelanggan anda.
- 1.28 “Laman Web” bermakna laman web rasmi kami, yang kini beralamat di <http://www.uob.com.my> (atau nama domain penggantian atau pengganti lain) yang membolehkan anda mengakses dan menggunakan Perkhidmatan tersebut melalui penggunaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, kod dan/atau Token.
- 1.29 “Anda/kamu/pelanggan” bermakna anda, pemegang akaun bagi Akaun yang telah didaftarkan untuk menggunakan Perkhidmatan dan jika anda dan/atau Pelanggan Gabungan melanggan Perkhidmatan Pendaftaran Masuk Tunggal, akan termasuk Pelanggan Gabungan.
- 1.30 Rujukan untuk –
- (a) bilangan tunggal juga termasuk jamak, dan sebaliknya;
  - (b) jantina maskulin juga termasuk jantina feminin dan neuter, dan sebaliknya;
  - (c) seseorang termasuk individu, suatu perkongsian, sebuah pertubuhan korporat, persatuan yang tidak diperbadankan, sebuah kerajaan, sebuah negeri, sebuah agensi negeri, dan satu amanah;
  - (d) seseorang termasuk wasi individu, pentadbir, waris, pengganti, dan pemegang serah hak, dan Terma dan Syarat ini akan mengikat individu-individu tersebut; dan
  - (e) apabila memperkenalkan sesuatu contoh, “termasuk” atau “sebagai contoh” (atau perkataan lain yang sama) tidak mengehadkan maksud perkataan bagi contoh-contoh tersebut.

## **2. TERMA DAN SYARAT**

2.1 Terma dan Syarat ini akan mentadbir penggunaan Perkhidmatan. Ia adalah penting bahawa anda membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menggunakan dan mengakses Perkhidmatan. Jika anda menggunakan atau terus menggunakan dan mengakses Perkhidmatan ini, anda dianggap telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini.

2.2 Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan:

- (a) terma dan syarat masing-masing yang mentadbir Akaun, yang boleh didapati di Laman Web atau salinan yang boleh diperolehi dari mana-mana cawangan kami; dan
  - (b) terma dan syarat yang mentadbir perkhidmatan/produk lain kami yang boleh didapati di Laman Web atau salinan yang boleh diperolehi dari mana-mana cawangan kami; dan
  - (c) apa-apa dokumen lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada Surat Tawaran yang diterima berhubung dengan Perkhidmatan (di mana berkenaan), Panduan Pengguna Perkhidmatan Perbankan Internet (Perniagaan) UOB (“**Panduan Pengguna**”) dan Borang, (selepas ini dirujuk sebagai “Terma Lain”).
- 2.3 Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidaksejajaran antara Terma dan Syarat ini dan Syarat lain, Terma dan Syarat ini akan digunakan bagi perkara berhubung dengan Perkhidmatan ini.
- 2.4 Bagi mengelakkan keraguan dan tanpa mengira jika anda mungkin mempunyai akses kepada produk kami berhubung dengan pengeluaran pukal perintah juruwang (*bulk issuance of cashiers’ order* atau BICOS), pengeluaran pukal cek komersial (*bulk issuance of commercial cheques* atau BCCIS) dan perkhidmatan penulis cek (*cheque writer services* atau CWS) dengan pembayaran positif (“**Perkhidmatan Pukal**”) yang boleh didapati di platform Perkhidmatan ini, anda dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa Perkhidmatan Pukal tersebut tidak berkenaan dengan anda **KECUALI** Perkhidmatan Pukal ditawarkan kepada anda melalui Surat Tawaran dan tawaran sedemikian telah diterima oleh anda atau jika bukan dalam ketiadaan anda, dokumen sedemikian yang membuktikan bahawa kami telah bersetuju dengan permohonan anda untuk melanggan Perkhidmatan Pukal.
- 2.5 Jika anda menyedari atau tidak menyedari pemberian sebarang arahan kepada kami melalui Perkhidmatan yang berhubung dengan Perkhidmatan Pukal walaupun anda belum melanggan kepada yang sama, anda bersetuju dan mengakui bahawa kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang anda mungkin tanggung akibat daripadanya.

### 3. PENGENDALIAN PERKHIDMATAN

### 3.1 **Langganan Perkhidmatan**

3.1.1 Anda dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa walaupun anda telah menyerahkan Borang dan dokumen sokongan kepada kami untuk melanggan Perkhidmatan, hak anda untuk menggunakan Perkhidmatan termasuk akses kepada yang sama serta kesesuaian Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) dalam hal langganan Perkhidmatan menurut Borang Transaksi:-
  - (i) penerimaan Surat Tawaran oleh anda;
  - (ii) Pengguna Syarikat, Pengguna Pelanggan dan/atau Individu yang Diluluskan perlu menerima ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan Token. Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menentukan siapa yang boleh menerima ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan Token bagi pihak anda. Selain itu, kami mungkin memerlukan setiap Pengguna Syarikat, Pengguna Pelanggan dan/atau Individu yang Diluluskan untuk mengutip ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan Token masing-masing secara peribadi di cawangan pilihan kami; dan
  - (iii) latihan berhubung dengan Perkhidmatan telah disediakan kepada anda. Kami boleh membuat keputusan, pada budi bicara kami, bahawa latihan tidak diperlukan; atau
- (b) dalam hal langganan Perkhidmatan menurut Borang Pertanyaan, Klausula 3.1.1(a)(ii) dianggap telah berlaku.

### 3.2 **Pentadbir Syarikat dan Individu yang Diluluskan**

3.2.1 Anda mesti melantik seorang atau lebih dari seorang individu sebagai Pentadbir Syarikat untuk menguruskan Akaun anda bagi kegunaan Perkhidmatan oleh anda, tetapi anda akan kekal bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua transaksi yang dilaksanakan ke atas Akaun.

3.2.2 Kewajipan dan tanggungjawab Pentadbir Syarikat:

- (a) untuk melantik Pengguna Syarikat.
- (b) jika ID Pengguna dan Kata Laluan bagi Pengguna Syarikat dihantar kepada Pentadbir Syarikat, untuk menghantarkannya kepada setiap dan semua Pengguna Syarikat;

- (c) untuk menyelia dan bertanggungjawab ke atas kelakuan semua Pengguna Syarikat;
- (d) untuk memeriksa Akaun anda bagi tujuan menyemak dan menguruskan penggunaan Perkhidmatan oleh Pengguna Syarikat;
- (e) untuk bertindak dengan segera ke atas semua pertanyaan, komunikasi dan arahan daripada kami berkenaan dengan apa-apa aspek Akaun anda dan/atau penggunaan Perkhidmatan oleh anda; dan
- (f) untuk melaksanakan apa-apa tindakan lain yang mungkin diperlukan bagi memastikan pengendalian yang cekap dan berterusan bagi Akaun dan Perkhidmatan.

3.2.3 Pentadbir Syarikat akan memastikan bahawa Pengguna Syarikat mematuhi Klausa 3.2.2(d) hingga Klausa 3.2.2(f) di atas.

3.2.4 Pentadbir Syarikat atau Individu yang Diluluskan mesti dengan serta-merta:-

- (a) memaklumkan kami apabila menerima sebarang data atau maklumat yang tidak dimaksudkan untuk anda; dan
- (b) memadam atau menghapuskan semua data atau maklumat tersebut daripada sistem komputer anda dan di mana perlu, membetulkan apa-apa kesilapan.

3.2.5 Individu yang Diluluskan boleh bertindak bagi pihak anda dalam menjalankan mana-mana yang berikut:

- (a) untuk melengkapkan, menandatangani dan melakukan sebarang pindaan dari semasa ke semasa berkenaan dengan apa-apa maklumat berhubung dengan Perkhidmatan, termasuk Borang;
- (b) untuk melantik, menambah, mengeluarkan dan/atau menggantikan mana-mana individu sebagai penandatangan untuk Perkhidmatan dan berhubung dengan mana-mana atau semua perkhidmatan atau kemudahan sedemikian yang membentuk atau disediakan melalui Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Individu yang Diluluskan, serta menetapkan dan menentukan mandat atau kuasa penandatangan berhubung dengan pengendalian atau penggunaan sebarang perkhidmatan atau kemudahan sedemikian atau mana-mana akaun anda dengan kami yang boleh diakses dan dikendalikan melalui Perkhidmatan;
- (c) untuk melantik, menambah, mengeluarkan dan/atau menggantikan mana-mana individu sebagai Pentadbir Syarikat dan/atau Penandatangan Syarikat;



- (d) untuk memohon dan memperoleh apa-apa perkhidmatan atau kemudahan bagi pihak anda yang telah atau mungkin ditawarkan atau disediakan oleh kami melalui Perkhidmatan dari semasa ke semasa dan untuk bersetuju dan menerima semua terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh kami bagi penyediaan perkhidmatan atau kemudahan tersebut;
- (e) untuk melaksanakan atau membenarkan mana-mana penandatanganan melaksanakan sebarang transaksi dengan kami yang boleh dilaksanakan melalui Perkhidmatan dan atas syarat-syarat sedemikian yang mungkin dikenakan oleh kami; dan
- (f) untuk menandatangani apa-apa dokumen yang mungkin diperlukan atau yang sesuai atau yang bersampingan dengan apa-apa perkara di atas.

### 3.3 Arahan

- 3.3.1 Semua arahan yang diberikan kepada kami atau transaksi yang dilaksanakan melalui Perkhidmatan ini adalah selaras dengan kemasukan atau penggunaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, kod dan/atau Token ("**Arahan**"). Arahan sedemikian adalah muktamad dan akan mengikat anda.
- 3.3.2 Kami akan melaksanakan Arahan mengikut amalan perniagaan lazim kami. Jika kami menerima Arahan anda selepas masa atau tarikh akhir yang ditetapkan untuk transaksi tertentu (mengikut amalan perniagaan lazim kami), Arahan tersebut mungkin dilaksanakan hanya pada Hari Perniagaan yang berikutnya.
- 3.3.3 Anda perlu memastikan bahawa Arahan yang diberikan kepada kami adalah lengkap, tepat dan betul dan anda akan bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang dilaksanakan oleh kami menurut Arahan anda.
- 3.3.4 Kami berhak untuk bergantung pada dan bertindak mengikut Arahan anda dan tidak akan bertanggungjawab kepada anda dalam apa-apa cara untuk bertindak dengan niat baik ke atas mana-mana Arahan tersebut walaupun ia kemudiannya menunjukkan bahawa ia tidak diberikan oleh anda, atau terdapat apa-apa kesilapan atau maklumat tidak lengkap dalam Arahan atau salah faham di pihak kami dalam melaksanakan Arahan.

3.3.5 Kami berhak mendebitkan Akaun anda dengan serta-merta selepas sebarang transaksi dilengkapkan.

3.3.6 Kami boleh bergantung pada dan menganggap sebarang Arahan sebagai telah dilakukan, dihantar atau dilaksanakan oleh Pengguna Pelanggan yang kami telah keluarkan atau berikan ID Pengguna, PIN dan/atau Kata Laluan dan/atau kod masing-masing melainkan jika anda telah melaporkan apa-apa kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran bagi Token, ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan/atau kod. Anda perlu melapor ke Pusat Panggilan, dengan secepat semunasabahnya dapat dilaksanakan, apabila anda menyedari tentang kehilangan/kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran masing-masing, dan dengan syarat bahawa:

- (a) laporan tersebut telah diterima oleh kami dalam tempoh masa yang wajar terlebih dahulu bagi membolehkan kami mengambil segala tindakan yang perlu untuk mengelakkan Arahan tersebut daripada diterima, diambil tindakan dan/atau dilaksanakan;
- (b) kami berpuas hati bahawa anda tidak melakukan penipuan;
- (c) kami berpuas hati bahawa anda tidak sengaja mendedahkan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan kod kepada mana-mana individu, melalui e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman web selain Laman Web;
- (d) kami berpuas hati bahawa anda telah mengambil segala langkah wajar untuk mengekalkan keselamatan Token, ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan kod pada setiap masa.

3.3.7 Kami boleh pada bila-bila masa pada budi bicara tunggal kami, mengelak daripada bertindak ke atas sebarang Arahan atau sebahagian daripadanya atau menolak untuk melaksanakan sebarang Arahan sedemikian, jika:-

- (a) kami mempunyai sebarang keraguan mengenai kesahihan, kejelasan atau kelengkapan Arahan;
- (b) bentuk atau kandungan Arahan tersebut tidak selaras dengan keperluan atau polisi atau amalan sebagaimana yang kami tentukan dari semasa ke semasa;
- (c) kami mempercayai atau mengesyaki bahawa Arahan diberi tanpa kebenaran atau adalah palsu;
- (d) anda tidak mematuhi Terma dan Syarat ini atau terdapat pelanggaran Terma dan Syarat ini; atau
- (e) sebagaimana yang kami anggap sesuai dalam keadaan tersebut;

dan kami tidak bertanggungjawab kepada anda untuk sebarang kerugian, liabiliti atau perbelanjaan yang timbul dari ketidakrelaan atau keengganan kami untuk bertindak.

3.3.8 Anda bersetuju untuk melindungi kami dan kekal melindungi kami sepenuhnya pada setiap masa terhadap sebarang tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar indemniti penuh) yang timbul dalam apa-apa cara sekalipun daripada tindakan kami ke atas Arahan anda, atau sebagaimana yang kami anggap sesuai, keengganan untuk bertindak ke atas Arahan anda atau sebahagian daripadanya.

### **3.4 Pembatalan atau pindaan pada Arahan anda**

3.4.1 Kami tidak diwajibkan untuk membatalkan atau meminda apa-apa bayaran yang dilakukan atau akan dilakukan menurut Arahan anda atau sebarang Arahan selepas yang sama telah dihantar kepada kami.

3.4.2 Kami akan menggunakan segala usaha wajar untuk bertindak ke atas permintaan anda untuk pembatalan atau pindaan sedemikian sebelum pelaksanaan Arahan, tetapi kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembatalan atau pindaan tersebut tidak dilaksanakan tepat pada masanya atau tidak dapat dilakukan atas apa-apa sebab sekalipun.

3.4.3 Jika kami cuba untuk membatalkan atau meminda sebarang Arahan atas permintaan anda, anda mesti membayar semua kos dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh kami untuk melaksanakan permintaan tersebut tanpa mengira sama ada kami berjaya atau tidak untuk membatalkan atau meminda Arahan tersebut.

3.4.4 Bagi mengelakkan keraguan, kami tidak akan dianggap telah menerima atau dimaklumkan mengenai sebarang pembatalan atau pindaan Arahan anda sehingga kami telah dimaklumkan oleh anda secara bertulis mengenainya.

### **3.5 ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan Token**

3.5.1 Token boleh digunakan bersama dengan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan/atau kod untuk:

- (a) log masuk dan menandatangani, memulakan, menjalankan, melaksanakan dan/atau menghantar:-
  - (i) sebarang deposit, pembayaran, pengeluaran, pemindahan atau transaksi lain ke atas mana-mana Akaun;
  - (ii) apa-apa komunikasi kepada kami atau individu lain sedemikian yang mungkin diterima oleh kami atau individu lain sedemikian;
- (b) menghantar mana-mana Arahan anda;
- (c) menggunakan Perkhidmatan;
- (d) mengakses dan memperoleh maklumat yang kami mungkin benarkan (sama ada berkaitan dengan Akaun, Perkhidmatan atau sebaliknya); dan
- (e) melaksanakan sebarang transaksi dengan kami yang kami mungkin benarkan tertakluk kepada Terma dan Syarat ini dan apa-apa sekatan atau had lain yang mungkin dikenakan oleh kami pada budi bicara mutlak kami.

3.5.2 Anda bersetuju dan berjanji bahawa anda akan mengambil segala langkah wajar untuk:

- (a) menyimpan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan kod dengan selamat pada setiap masa; dan
- (b) memastikan dan mencegah sebarang penggunaan tanpa kebenaran dan/atau penipuan ke atas ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan kod pada setiap masa;
- (c) tidak melepaskan pemilikan Token; dan
- (d) mengelakkan kehilangan atau kecurian Token, antara lain:-
  - (i) anda tidak boleh membiarkan mana-mana individu tanpa kebenaran selain daripada Pengguna Pelanggan untuk memiliki atau menggunakan Token;
  - (ii) anda tidak boleh meninggalkan Token tanpa dijaga di dalam mana-mana kenderaan dan/atau di tempat awam; dan
  - (iii) jika anda mempunyai lebih daripada satu Token, anda perlu menyimpan Token yang tidak digunakan di tempat yang selamat.

Anda bersetuju bahawa senarai di atas adalah tidak menyeluruh dan anda akan mengambil segala langkah wajar dalam memastikan keselamatan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan kod.

- 3.5.3 Anda bersetuju bahawa ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod adalah sulit dan anda dengan ini berjanji untuk tidak mengemukakan atau mendedahkan atau dalam apa-apa cara menyebabkan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan/atau kod untuk dikemukakan atau didedahkan kepada mana-mana individu yang tidak dibenarkan melalui e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman web selain Laman Web atau dalam apa-apa cara lain sekalipun.
- 3.5.4 Anda harus menghafal ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod anda dan memastikan tiada rekod bertulis mengenai ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod anda disimpan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang mungkin membolehkan pihak ketiga yang tidak dibenarkan untuk mengakses atau menggunakan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod anda.
- 3.5.5 Anda perlu memastikan bahawa anda log keluar daripada Perkhidmatan sebelum meninggalkan terminal komputer anda.
- 3.5.6 Anda sepatutnya tidak menggunakan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod lazim seperti enam (6) digit terakhir nombor kad pengenalan, tarikh lahir atau nombor telefon. Anda bersetuju bahawa kegagalan mematuhi syarat ini mungkin mendedahkan anda kepada risiko kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran bagi ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod anda, di mana anda akan bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang dilakukan serta caj yang ditanggung di bawah Perkhidmatan, sama ada transaksi atau caj tersebut diketahui atau dibenarkan oleh anda atau tidak.
- 3.5.7 Jika anda mengetahui atau mengesyaki bahawa:
- (a) seseorang yang tidak dibenarkan mengetahui ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod anda;
  - (b) terdapat akses tidak dibenarkan untuk Akaun atau Token anda, atau penggunaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan kod anda;
  - (c) Token hilang atau dicuri;
  - (d) transaksi yang tidak dibenarkan berlaku; atau
  - (e) mungkin terdapat pelanggaran keselamatan bagi ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, dan kod,

anda mesti memaklumkan kami di Pusat Panggilan dengan secepat semunasabahnya dapat dilaksanakan. Anda juga mesti memberikan kami segala maklumat yang berkaitan serta bantuan yang wajar dalam penyiasatan perkara tersebut.

- 3.5.8 Kami boleh mengenakan fi untuk sebarang pengeluaran dan/atau penggantian Token. Walaupun dengan pembayaran fi sedemikian, anda bersetuju bahawa jika anda berjaya mendapatkan semula Token yang anda laporkan hilang atau dicuri, anda akan mengembalikan Token tersebut kepada kami dengan serta-merta.
- 3.5.9 Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menyahaktif atau membatalkan penggunaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan kod atau menyahaktifkan Perkhidmatan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan/atau notis terlebih dahulu kepada anda. Kita juga boleh menyahaktif atau membatalkan penggunaan Perkhidmatan oleh anda jika ia tidak dapat diakses selepas beberapa percubaan telah dilakukan dengan menggunakan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan kod anda.
- 3.5.10 Anda akan bertanggungjawab untuk sebarang transaksi tanpa kebenaran yang dikaitkan dengan kehilangan, kecurian atau penyalahgunaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan kod anda, kecuali:
- (a) anda telah memaklumkan kami selaras dengan Klausula 3.5.7 di atas;
  - (b) anda tidak sengaja mendedahkan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan kod kepada mana-mana individu yang tidak dibenarkan melalui e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman web selain Laman Web;
  - (c) anda telah mengambil semua langkah munasabah untuk menyimpan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan kod dengan selamat pada setiap masa; dan
  - (d) anda tidak melakukan penipuan.
- 3.5.11 Kami boleh menghantar ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan semua kod lain kepada anda, Pengguna Pelanggan dan/atau Individu yang Diluluskan melalui pos biasa atau cara lain sedemikian yang kami mungkin anggap sesuai pada budi bicara mutlak kami. Anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami daripada dan terhadap sebarang dan semua liabiliti jika ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan semua kod lain tidak sampai kepada anda, Pengguna Pelanggan dan/atau

Individu yang Diluluskan selepas penghantaran atau jika yang sama didedahkan kepada mana-mana individu yang tidak dibenarkan semasa dalam transit.

- 3.5.12 Tertakluk kepada Klausula 3.5.19 di bawah, kami boleh mengeluarkan satu atau lebih dari satu Token kepada mana-mana Individu yang Diluluskan dan/atau Pengguna Pelanggan berkenaan dengan mana-mana Akaun dan bagi tujuan membolehkan anda menggunakan Perkhidmatan.
- 3.5.13 Anda akan bertanggungjawab sepenuhnya bagi penyenggaraan dan pengendalian Token serta semua peralatan lain atau perisian lain yang diperlukan untuk mengakses Perkhidmatan.
- 3.5.14 Kami tidak melakukan jaminan, sama ada secara nyata atau tersirat, bahawa mana-mana atau semua Token yang dibekalkan adalah sesuai untuk sistem atau perisian komputer anda, atau adalah sesuai untuk apa-apa tujuan lain sekalipun, atau bebas daripada kesilapan.
- 3.5.15 Kami boleh meminta balik, menamatkan, menggantung, membatalkan, menolak pembaharuan atau menggantikan sebarang Token pada bila-bila masa dengan atau tanpa pemberian sebarang notis terlebih dahulu kepada anda atau Pengguna Pelanggan yang mungkin telah menerima Token, dan boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk berbuat demikian) mengeluarkan semula Token baru tanpa memberi sebarang sebab dan tanpa sebarang liabiliti untuk apa-apa kerugian sekalipun.
- 3.5.16 Jika versi baru atau yang dipertingkatkan bagi Token atau apa-apa peranti lain yang diperlukan untuk pengendalian Perkhidmatan disediakan atau dibangunkan, kami boleh membuat keputusan untuk tidak meneruskan penggunaan Token sebelum ini dan/atau peranti yang tersebut di atas. Jika anda tidak menaik taraf atau menggunakan versi yang dipertingkatkan bagi Token dan/atau peranti yang tersebut di atas sebagaimana yang kami perlukan, kami boleh pada budi bicara mutlak kami menolak Arahan anda dan menamatkan Perkhidmatan.
- 3.5.17 Kami boleh menukar jenis atau versi atau spesifikasi sebarang Token yang akan digunakan untuk Perkhidmatan dan kami akan memaklumkan anda dengan sewajarnya. Jika anda tidak dapat memenuhi keperluan tersebut, kami boleh pada budi bicara mutlak kami menolak Arahan anda dan menamatkan Perkhidmatan.

3.5.18 Jika kami memerlukannya, anda mesti mendapatkan:

- (a) semua Token yang dikeluarkan kepada Pengguna Pelanggan akan dikembalikan kepada kami dengan serta-merta pada penamatan dan/atau pemberhentian Perkhidmatan atau penutupan Akaun;
- (b) mengembalikan kepada kami semua Token yang dikeluarkan kepada mana-mana Pengguna Pelanggan pada perletakan jawatan atau pemecatan Pengguna Pelanggan;
- (c) mengembalikan kepada kami semua Token yang dikeluarkan kepada mana-mana Pengguna Pelanggan pada bila-bila masa.

3.5.19 Sebarang Token dan peranti, perkakasan atau peralatan lain sedemikian serta semua dokumen (termasuk Panduan Pengguna) berhubung dengan Perkhidmatan yang disediakan kepada anda oleh atau melalui kami akan kekal sebagai hak milik tunggal dan eksklusif kami. Kami menyediakan lesen tidak eksklusif dan tidak boleh dipindah milik kepada anda untuk menggunakan Token hanya untuk tujuan yang dinyatakan di sini dan di dalam Panduan Pengguna. Anda tidak boleh memisahkan, melakukan kejuruteraan balikan atau mengubah sebarang Token, dan tidak boleh menyebabkan mana-mana bahagian atau sebahagian daripadanya untuk disalin atau diubah suai, dalam apa-apa bentuk sekalipun, secara keseluruhan atau sebahagian, dan tidak boleh membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk mengakses Token atau sebarang dokumentasi berhubung dengan Perkhidmatan tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu.

3.5.20 Dengan membenarkan Pengguna Pelanggan menggunakan Token, anda bersetuju dan mengakui bahawa kami berhak melakukan semua perkara yang diperlukan bagi menentukan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan Token adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

- (a) sekiranya terdapat padanan positif dalam pangkalan data kami bahawa mana-mana Pengguna Pelanggan telah disediakan dengan Token bagi Perkhidmatan yang dilanggan oleh mana-mana Pihak Ketiga (ditakrifkan selepas ini), kami mempunyai budi bicara mutlak untuk membenarkan atau terus membenarkan Token tersebut (atau jika terdapat lebih daripada satu Token, mana-mana Token tersebut) untuk digunakan oleh Pengguna Pelanggan bagi Perkhidmatan yang dilanggan oleh anda dan Pihak Ketiga



tanpa sebarang notis atau rujukan selanjutnya kepada anda atau Pihak Ketiga tersebut; dan

- (b) pada penerimaan permintaan daripada anda dan Pihak Ketiga, kami akan membenarkan dan terus membenarkan Token yang disediakan kepada mana-mana Pengguna Pelanggan untuk dikongsi di antara anda dan Pihak Ketiga tersebut.

Dalam keadaan sedemikian dan dengan meneruskan penggunaan Perkhidmatan ini, anda dianggap telah menerima dan mengiktiraf risiko untuk berkongsi Token dengan Pihak Ketiga dan anda bersetuju secara muktamad dan tanpa syarat untuk tidak mempertanggungjawabkan kami daripada dan terhadap sebarang dan semua liabiliti berhubung dengan perkongsian Token tersebut. Bagi tujuan klausa 3.5.20 ini, "Pihak Ketiga" merujuk kepada mana-mana pelanggan kami termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelanggan Gabungan.

3.5.21 Anda tidak akan mempertanggungjawabkan kami dan akan melindungi kami sepenuhnya daripada dan terhadap sebarang tuntutan, permintaan, tindakan dan prosiding yang mungkin diambil terhadap kami, serta sebarang ganti rugi, liabiliti, kerugian dan perbelanjaan termasuk kos guaman (atas dasar indemniti penuh) yang kami mungkin alami atau tanggung secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan/atau kod dengan atau tanpa kebenaran anda dan/atau kebenaran Pengguna Pelanggan atau sebaliknya disebabkan oleh kecuaiian anda atau kecuaiian mana-mana Pengguna Pelanggan, salah laku atau pelanggaran Terma dan Syarat ini.

3.5.22 Anda mengakui bahawa hanya Token yang dikeluarkan oleh kami untuk tujuan Perkhidmatan boleh digunakan untuk mengakses Akaun dan/atau menjalankan transaksi melalui Perkhidmatan, dan apa-apa penggunaan Token dengan peranti lain secara tidak wajar boleh menyebabkan kehilangan keselamatan. Anda bersetuju bahawa kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun untuk akibat penggunaan tidak wajar tersebut dan bahawa indemniti yang diberikan dalam Klausa 3.5.21 akan diperluaskan bagi melindungi sebarang penyalahgunaan Token sedemikian.

3.5.23 Klausa 3.5.21 dan 3.5.22 akan dikekalkan walaupun dengan penamatan atau penggantungan Perkhidmatan, ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, Token dan/atau kod.

### 3.6 Pembayaran

3.6.1 Di mana kami menyediakan senarai penerima bayaran di mana pembayaran boleh dilakukan melalui Perkhidmatan ini, kami boleh, tetapi tidak diwajibkan untuk mengeluarkan sebarang penerima bayaran daripada senarai tersebut atau meminda kandungan senarai tersebut pada budi bicara mutlak kami pada bila-bila masa, tanpa pemberian sebarang notis terlebih dahulu.

3.6.2 Kami tidak diwajibkan untuk melaksanakan sebarang Arahan anda untuk melakukan pembayaran, dan mungkin membatalkannya tanpa menanggung sebarang liabiliti, apabila berlakunya mana-mana peristiwa yang dinyatakan dalam Klausa 3.3.7.

3.6.3 Anda boleh mengarahkan pembayaran, menjadualkan pembayaran *ad-hoc* terlebih dahulu atau menjadualkan pembayaran ansuran secara berkala dan boleh membatalkan atau mengubah apa-apa pembayaran yang dijadualkan (sama ada secara *ad-hoc* atau ansuran) dengan syarat anda mematuhi semua arahan, terma atau syarat yang kami mungkin kenakan berkenaan dengannya, termasuk tarikh akhir dan tempoh notis yang ditentukan bagi menyampaikan Arahan untuk melaksanakan transaksi kepada kami. Kami boleh pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada anda pada budi bicara mutlak kami, menukar prosedur atau cara di mana Arahan anda boleh dihantar untuk perkhidmatan pembayaran tersebut.

3.6.4 Kami boleh mengenakan fi berkenaan dengan perkhidmatan pembayaran tersebut pada kadar sedemikian, pada dasar tetap atau bagi setiap transaksi, dan jika pada dasar tetap, pada jangka masa yang kami mungkin putuskan dari semasa ke semasa. Kami akan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu mengenai sebarang perubahan kepada fi tersebut.

3.6.5 Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, ganti rugi, liabiliti, kerugian, atau perbelanjaan yang mungkin

dilaksanakan terhadap anda atau yang mungkin dialami atau ditanggung oleh anda, akibat daripada atau berhubung dengan:

- (a) apa-apa pembayaran lewat yang disebabkan oleh ketidakpatuhan anda terhadap arahan, terma dan syarat kami untuk melaksanakan pembayaran tersebut melalui penggunaan Perkhidmatan;
- (b) apa-apa kegagalan oleh mana-mana pihak ketiga di mana pembayaran sedemikian dilakukan untuk menghantar pembayaran kepada penerima bayaran yang ditujukan; dan/atau
- (c) apa-apa keengganan atau kegagalan kami untuk melaksanakan sebarang pembayaran disebabkan oleh perintah mahkamah atau notis, permintaan, arahan atau perintah yang dikeluarkan menurut sebarang statut, peraturan, undang-undang kecil (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak, jika tidak mempunyai kuasa undang-undang, pematuhannya adalah selaras dengan amalan lazim individu yang menerima notis, permintaan, arahan atau perintah yang ditujukan).

### 3.7 Had

3.7.1 Kami boleh, pada bila-bila masa pada budi bicara mutlak kami dengan pemberian notis terlebih dahulu, mengubah atau membatalkan had kewangan maksimum yang dinyatakan dalam Borang bagi Perkhidmatan tersebut untuk apa-apa jenis transaksi, kemudahan, perkhidmatan dan produk yang mungkin dilaksanakan atau disediakan melalui Perkhidmatan sama ada dalam bentuk wang atau secara berangka atau sebaliknya, dan untuk mengubah kekerapan dan tempoh ketersediaan, tanpa menanggung sebarang liabiliti kepada anda atau kepada mana-mana pihak ketiga.

3.7.2 Kami boleh menghadkan, membatalkan atau menggantung Perkhidmatan secara keseluruhan atau sebahagian pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab dan di mana mungkin, dengan pemberian notis terlebih dahulu tanpa menanggung sebarang liabiliti, dan mungkin menambah, menarik balik, atau menukar jenis transaksi yang mungkin disediakan atau dilaksanakan melalui Perkhidmatan.

### 3.8 Perkhidmatan Arahan Pra-Kebenaran

3.8.1 Perkhidmatan arahan pra-kebenaran (*pre-authorized instructions (PAI)* atau "**Perkhidmatan PAI**") akan membolehkan anda melaksanakan pemindahan dana

daripada Akaun kepada mana-mana akaun pihak ketiga dengan kami, yang anda telah mengenal pasti dan mendaftarkannya dengan kami ("**Akaun Pihak Ketiga yang Berdaftar**").

- 3.8.2 Anda boleh menghantar permohonan anda untuk Perkhidmatan PAI kepada kami dalam borang yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa bersama dengan dokumen sokongan yang kami anggap sesuai. Kami boleh menolak permohonan anda tanpa memberi sebarang sebab.
- 3.8.3 Setelah permohonan Perkhidmatan PAI anda diluluskan, kami akan melaksanakan pemindahan dana dari semasa ke semasa menurut dan selepas menerima Arahan daripada anda. Pemindahan dana tersebut akan dilaksanakan dengan mendebitkan Akaun dan mengkreditkan Akaun Pihak Ketiga yang Berdaftar yang berkenaan. Tiada pemindahan wang ke akaun selain Akaun Pihak Ketiga yang Berdaftar akan dibenarkan.
- 3.8.4 Anda boleh mengubah butiran Akaun Pihak Ketiga yang Berdaftar dan/atau menamatkan Perkhidmatan PAI dengan melengkapkan dan menyerahkan borang sedemikian kepada kami sebagaimana yang kami tetapkan dari semasa ke semasa. Sehingga kami menerima borang tersebut, kami berhak untuk terus melaksanakan pemindahan dana dan/atau pengiriman pembayaran dari semasa ke semasa apabila menerima Arahan anda.

### **3.9 Perkhidmatan Mel Elektronik**

- 3.9.1 Kami tidak melakukan sebarang perwakilan atau jaminan mengenai keselamatan sebarang maklumat atau arahan yang dihantar kepada kami melalui perkhidmatan mel elektronik di Laman Web yang bukan dalam bentuk yang ditetapkan atau diluluskan oleh kami sebagai e-mel yang selamat ("**E-mel yang Tidak Selamat**").
- 3.9.2 Kami tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak ke atas sebarang Arahan (sama ada ditandatangani secara digital atau tidak) atau menjawab sebarang pertanyaan yang diterima melalui E-mel yang Tidak Selamat. Anda dinasihatkan untuk tidak menghantar maklumat sulit kepada kami melalui E-mel yang Tidak Selamat.

- 3.9.3 Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan keselamatan atau maklumat berkenaan dengan Akaun atau apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh anda akibat daripada atau berkaitan dengan kegagalan anda untuk mematuhi arahan, prosedur dan perintah kami dalam menggunakan perkhidmatan mel elektronik atau kegagalan untuk menggunakan borang mel elektronik yang ditetapkan atau diluluskan oleh kami sebagai selamat ("**E-mel yang Selamat**").
- 3.9.4 Kami tidak melakukan sebarang perwakilan atau jaminan mengenai ketepatan sebarang nasihat atau maklumat (sama ada kewangan atau sebaliknya) yang mungkin dihantar oleh kami kepada anda melalui Laman Web atau E-mel yang Selamat. Anda mesti mengambil langkah-langkah yang bebas untuk mengesahkan ketepatan sebarang nasihat atau maklumat sedemikian sebelum bertindak ke atas yang sama. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi dalam apa cara sekalipun yang timbul daripada atau berkaitan dengan pergantungan anda kepada nasihat atau maklumat sedemikian.
- 3.9.5 Semua pertanyaan mengenai Akaun dan/atau Perkhidmatan boleh dihantar kepada kami melalui E-mel yang Selamat dalam cara yang ditentukan oleh kami.
- 3.9.6 Semua komunikasi melalui E-mel yang Selamat yang memenuhi standard pengendalian dan keperluan kami akan dianggap sah, tepat dan mempunyai kesan yang sama seperti komunikasi berdokumen yang ditulis dan/atau ditandatangani.

### **3.10 Kadar**

- 3.10.1 Kadar pertukaran asing, kadar faedah/pampasan serta kadar dan maklumat lain, termasuk berita dan laporan mengenai kadar sedemikian atau maklumat yang disediakan di bawah Perkhidmatan hanya merupakan penunjuk bagi kadar, sebut harga atau maklumat sebenar dan adalah tertakluk kepada bayaran tanpa notis terlebih dahulu.
- 3.10.2 Anda akan menanggung tanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang dan semua kerugian dan ganti rugi yang timbul daripada atau berhubung dengan pergantungan anda kepada berita dan laporan sedemikian dalam melakukan keputusan anda untuk melaksanakan sebarang transaksi melalui Perkhidmatan.

### **3.11 Ketersediaan Perkhidmatan**

- 3.11.1 Kami boleh mengubah, menambah atau menarik balik mana-mana bahagian Perkhidmatan pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu dan tanpa apa-apa liabiliti sekalipun.
- 3.11.2 Kami akan menggunakan segala usaha munasabah bagi memastikan bahawa Perkhidmatan akan disediakan pada masa yang ditetapkan di dalam Panduan Pengguna atau di tempat lain, dengan syarat bahawa tiada apa-apa di sini akan ditafsirkan atau dianggap sebagai jaminan kami bahawa Perkhidmatan akan disediakan (sama ada tanpa gangguan atau tersedia) semasa waktu tertentu sedemikian.
- 3.11.3 Kami boleh pada bila-bila masa, pada budi bicara mutlak kami dan tanpa notis terlebih dahulu, menggantung operasi Perkhidmatan secara sementara atau tetap (untuk tujuan mengemas kini, menyenggara dan menaik taraf atau apa-apa tujuan lain sekalipun yang kami anggap sesuai) tanpa sebarang liabiliti kepada anda atau mana-mana pihak ketiga.

### **3.12 Penggunaan yang Dilarangkan**

- 3.12.1 Anda tidak boleh menggunakan atau mendedahkan apa-apa bahan dan/atau maklumat berhubung dengan Perkhidmatan selain daripada untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan.
- 3.12.2 Anda bersetuju bahawa anda tidak boleh mencetak rompak, menjual, mengedar atau dalam apa-apa cara sekalipun membenarkan mana-mana pihak ketiga mengakses bahan yang tersebut di atas dan/atau maklumat yang kami sediakan untuk anda dalam atau melalui Perkhidmatan.

### **3.13 Terminal Komputer dan Akses Rangkaian**

- 3.13.1 Anda perlu memastikan bahawa mana-mana komputer, peralatan tanpa wayar dan peralatan lain yang anda mungkin gunakan untuk mengakses Perkhidmatan diselenggarakan dengan baik dan bebas daripada virus komputer dan program apa-

apa jenis yang boleh menyebabkan bahaya atau kerosakan, termasuk pemasangan program antivirus untuk mengelakkan komputer, peralatan tanpa wayar dan peralatan lain tersebut daripada memperoleh dan/atau menghantar virus atau program sedemikian.

3.13.2 Kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, ganti rugi atau rasa malu yang dialami atau ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada apa-apa pencerobohan atau serangan oleh mana-mana individu atau pihak atau sebarang kegagalan dalam apa-apa peralatan atau komputer atau gangguan sistem, virus, kuda Trojan, atau komponen berbahaya lain, peranti yang melumpuhkan dan/atau kerosakan yang boleh menggantung, mengganggu atau menggendalakan Perkhidmatan, telekomunikasi atau sistem komputer anda atau kami, pembekal perkhidmatan internet, pembekal perkhidmatan telekomunikasi atau pembekal perkhidmatan lain.

3.13.3 Kami boleh menentukan dan pada bila-bila masa menukar jenis, versi atau spesifikasi mana-mana peranti, perisian, perkakasan atau peralatan yang mungkin diperlukan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan dan kami akan memaklumkan anda dengan sewajarnya. Jika anda tidak mematuhi spesifikasi sedemikian, kami boleh menggantung dan/atau menamatkan operasi atau akses dan penggunaan Perkhidmatan anda tanpa sebarang liabiliti sekalipun kepada anda atau mana-mana pihak ketiga.

3.13.4 Anda bertanggungjawab semata-matanya:

- (a) untuk memastikan bahawa peralatan, terminal komputer, perisian serta perkakasan yang berkaitan memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa; dan
- (b) untuk pemasangan, penyenggaraan dan keselamatan terminal komputer anda, perisian yang berkaitan (termasuk perisian pelayar internet) dan perkakasan yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan.

3.13.5 Akses anda ke Laman Web dan Perkhidmatan melalui Pembekal Perkhidmatan Rangkaian adalah tertakluk kepada terma dan syarat Pembekal Perkhidmatan Rangkaian.

### **3.14 Perkhidmatan e-pembayaran lain melalui Perkhidmatan**

- 3.14.1 Anda boleh melanggan perkhidmatan e-pembayaran lain yang dimulakan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (“**MyClear**”) yang kami tawarkan melalui Perkhidmatan yang termasuk, antara lain, JomPAY dan Pertukaran Proses Kewangan (“**Perkhidmatan E-Pembayaran**”).
- 3.14.2 Anda boleh menghantar permohonan anda untuk Perkhidmatan E-Pembayaran kepada kami dalam borang yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa bersama dengan dokumen sokongan yang kami anggap sesuai. Kami boleh menolak permohonan anda tanpa memberi sebarang sebab.
- 3.14.3 Sekiranya terdapat tambahan kepada Terma dan Syarat ini, anda bersetuju bahawa penggunaan Perkhidmatan E-Pembayaran juga tertakluk kepada prosedur MyClear serta terma dan syarat yang mentadbir penggunaan Perkhidmatan E-Pembayaran seperti yang dinyatakan dalam laman web rasmi MyClear di <http://www.myclear.org.my/> yang mungkin tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa oleh MyClear.

### **3.15 Perkhidmatan Lain**

- 3.15.1 Kami boleh memperkenalkan perkhidmatan dan/atau produk baru melalui Perkhidmatan dari semasa ke semasa, dan penggunaan perkhidmatan dan produk baru ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini serta sebarang terma dan syarat tambahan yang kami mungkin kenakan pada budi bicara mutlak kami.
- 3.15.2 Dengan menggunakan perkhidmatan dan/atau produk baru, anda akan dianggap telah membaca dan memahami sepenuhnya terma dan syarat tambahan sedemikian yang berkenaan dengan perkhidmatan dan/atau produk baru tersebut dan bersetuju untuk diikat oleh yang sama.

### **3.16 Perkhidmatan Pendaftaran Masuk Tunggal**

- 3.16.1 Anda dan Pelanggan Gabungan boleh menghantar permohonan untuk melanggan pilihan pendaftaran masuk tunggal kepada kami dalam borang yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa bersama dengan dokumen sokongan yang kami



anggap sesuai (“**Perkhidmatan Pendaftaran Masuk Tunggal**”). Kami boleh menolak permohonan sedemikian tanpa memberikan apa-apa sebab.

3.16.2 Setelah permohonan diluluskan, anda dan Pelanggan Gabungan boleh melakukan transaksi ke atas Akaun dan/atau akaun Pelanggan Gabungan, yang mana berkenaan, melalui Perkhidmatan.

3.16.3 Anda dan Pelanggan Gabungan boleh berkongsi satu set Token pada pilihan anda atas permintaan anda.

3.16.4 Anda dengan ini mengakui dan menerima risiko berkongsi Token dengan Pelanggan Gabungan, dan anda bersetuju secara muktamad dan tanpa syarat untuk tidak mempertanggungjawabkan kami daripada dan terhadap sebarang dan semua liabiliti dengan memberikan Pelanggan Gabungan akses kepada Token.

#### **4. PERWAKILAN DAN JAMINAN**

4.1 Anda dengan ini menyatakan dan menjamin kepada kami bahawa:

- (a) di bawah dokumen konstitutif anda, anda mempunyai keupayaan, kebenaran dan kuasa penuh untuk memasuki semua dokumen (termasuk tetapi tidak terhad kepada Terma dan Syarat ini) berhubung dengan dan/atau berkaitan dengan Perkhidmatan;
- (b) anda mempunyai semua kebenaran, persetujuan, lesen dan/atau kelulusan yang diperlukan di bawah semua undang-undang yang digunakan untuk menerima dan bersetuju kepada semua Terma dan Syarat ini, untuk mengendali Akaun, untuk mengeluarkan Arahan, untuk memasuki semua transaksi berkaitan dan untuk bertindak atau melaksanakan segala tindakan yang diperlukan atau dianggap perlu oleh kami berhubung dengan dan/atau berkaitan dengan Perkhidmatan serta Terma dan Syarat ini; dan
- (c) individu sedemikian yang dilantik menurut Klausula 3.2 telah dilantik dengan sewajar dan sepatutnya menurut dokumen konstitutif anda atau sebarang dokumen berkaitan yang lain.

4.2 Jika kami menyediakan anda dengan sebarang maklumat mengenai pihak ketiga, anda mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak menjamin ketepatan atau kelengkapan maklumat pihak ketiga tersebut.

- 4.3 Kumpulan, mahupun mana-mana pembekal perkhidmatan Internet, pembekal maklumat atau mana-mana pembekal perisian lain tidak melakukan sebarang jaminan yang nyata, tersirat atau statutori berhubung dengan Perkhidmatan, perisian akses langsung atau perkhidmatan atau pelayar web, termasuk sebarang jaminan atau kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan tertentu atau tiada pelanggaran hak milik pihak ketiga atau bahawa ia adalah bebas daripada kesilapan.
- 4.4 Walaupun langkah sewajarnya telah diambil dalam penyediaan maklumat dan bahan yang terkandung dalam Laman Web, kami tidak menjamin ketepatan, kecukupan atau kelengkapan maklumat dan bahan (termasuk semua teks, grafik dan pautan ke laman web lain) yang terkandung dalam Laman Web.
- 4.5 Walaupun kami akan menggunakan segala usaha munasabah untuk memastikan bahawa Perkhidmatan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, kami tidak menjamin keselamatan atau kerahsiaan sebarang maklumat yang dihantar melalui mana-mana pembekal perkhidmatan internet, sistem rangkaian atau sistem setara lain yang berkenaan dalam apa-apa bidang kuasa melalui Perkhidmatan.
- 4.6 Tiada apa-apa dalam Laman Web boleh dianggap sebagai permintaan tawaran cadangan untuk memperolehi atau melupuskan sebarang pelaburan atau untuk menyertai sebarang transaksi atau untuk menyediakan sebarang nasihat atau perkhidmatan pelaburan.
- 4.7 Tiada komunikasi atau nasihat secara bertulis atau lisan yang dikeluarkan oleh Kumpulan kami akan melanjutkan atau menggantikan skop jaminan ini.

## **5. BUKTI**

- 5.1 Anda bersetuju untuk tidak mempertikaikan kesahihan, ketepatan atau ketulenan sebarang bukti Arahan dan komunikasi anda yang dihantar secara elektronik antara pihak-pihak berkenaan, termasuk bukti sedemikian dalam bentuk rekod komputer atau log transaksi, pita magnetik, katrij, cetakan komputer, salinan sebarang komunikasi, atau apa-apa bentuk penyimpanan maklumat kami.

- 5.2 Melainkan kesilapan atau penipuan yang nyatatelah berlaku, anda bersetuju untuk merujuk kepada dan menganggap semua rekod atau log transaksi, pita magnetik, katrij, cetakan komputer, salinan atau apa-apa bentuk penyimpanan maklumat yang lain sebagai bukti muktamad mengenai semua Arahan anda dan komunikasi lain yang diterima atau dihantar oleh kami.
- 5.3 Anda bersetuju bahawa semua rekod sedemikian akan mengikat diri anda, dan bahawa anda tidak berhak untuk mempertikaikan kesahihan atau ketulenan yang sama.
- 5.4 Semua arahan dan komunikasi sedemikian yang memenuhi standard dan syarat operasi Perkhidmatan akan dianggap sama baik dengan, dan mempunyai kesan yang sama seperti komunikasi berdokumen yang bertulis dan/atau ditandatangani.

## **6. PEMBAYARAN, FI DAN HAK UNTUK MENDEBIT**

- 6.1 Anda mesti membayar kami fi langganan dan kos, cukai, levi, caj, perbelanjaan dan faedah lain bagi penggunaan Perkhidmatan pada kadar sedemikian yang kami mungkin tentukan dari semasa ke semasa. Kami akan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari mengenai sebarang perubahan kepada fi tersebut. Kami boleh mendapatkan kembali daripada anda sebarang perbelanjaan tambahan, khas atau luar jangka yang ditanggung bagi pihak anda.
- 6.2 Jika Akaun yang Ditetapkan ditutup untuk apa-apa sebab sekalipun, kami boleh memilih mana-mana Akaun sedia ada yang lain anda dan menetapkannya sebagai Akaun yang Ditetapkan sehingga anda memaklumkan kami secara bertulis bahawa anda ingin menetapkan Akaun yang berbeza sebagai Akaun yang Ditetapkan.
- 6.3 Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami dengan memberi notis terlebih dahulu kepada anda, mengubah, menambah, atau menarik balik jenis kemudahan, perkhidmatan dan produk daripada Perkhidmatan di mana fi mungkin akan dikenakan tanpa sebarang liabiliti sekalipun.
- 6.4 Semua terma dan syarat antara anda dan kami bagi pembayaran fi, kos, cukai, levi, caj, perbelanjaan dan faedah/pampasan akan terus berkuat kuasa dan akan menjadi tambahan kepada, dan tidak akan terjejas oleh peruntukan dalam Terma dan Syarat

ini, bagi pembayaran fi, kos, cukai, levi, caj, perbelanjaan, dan faedah/pampasan berhubung dengan Perkhidmatan.

- 6.5 Anda bersetuju untuk bertanggungjawab bagi semua caj yang dikenakan dalam mengakses Akaun atau akaun lain sedemikian yang kami tetapkan menurut Klausula 6.2, melalui atau sebaliknya menggunakan Perkhidmatan (termasuk caj telefon dan caj pembekal perkhidmatan internet).
- 6.6 Semua fi, kos, cukai, levi, caj, perbelanjaan, faedah dan jumlah lain yang perlu dibayar kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini akan dilakukan dalam Ringgit Malaysia.
- 6.7 Anda bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang, pada tarikh Perkhidmatan ini atau pada sebarang tarikh selepas tarikh Perkhidmatan ini, adalah diperlukan oleh undang-undang (termasuk Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014) atau peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang tersebut (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan kepada sebarang undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) yang perlu dibayar kepada mana-mana badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berkenaan dengan sebarang wang yang dikenakan atau ditanggung oleh kami berhubung dengan dan/atau berkaitan dengan Perkhidmatan. Kecuali dinyatakan sebaliknya oleh kami pada bila-bila masa, sebarang fi dan caj yang dimaklumkan kepada anda adalah termasuk sebarang cukai barangan dan perkhidmatan yang berkenaan pada kadar semasa. Di mana kami telah menyatakan sebaliknya, anda bertanggungjawab untuk membayar cukai barangan dan perkhidmatan yang berkenaan sebagai tambahan kepada fi dan caj kami.
- 6.8 Sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Perkhidmatan dan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Perkhidmatan akan ditanggung oleh dan dikenakan kepada anda dan sekiranya kami melaksanakan apa-apa bayaran, anda akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami jumlah yang dibayar sedemikian.

6.9 Kewajipan anda untuk membayar kami fi, caj, perbelanjaan, levi, cukai, faedah/pampasan dan jumlah lain sedemikian yang dinyatakan dalam Klausa 6 ini akan terus wujud selepas penamatan, tamat tempoh atau penggantungan Terma dan Syarat ini, atau penarikan balik dan penyahaktifan akses anda kepada Perkhidmatan.

## **7. HAK KESELAMATAN DAN HAK MENOLAK SELESAI KAMI**

7.1 Tanpa menjejaskan hak kami di bawah undang-undang umum, kami boleh, tetapi tidak diwajibkan, berhubung dengan mana-mana liabiliti anda yang timbul di bawah Terma dan Syarat ini, tanpa permintaan pada bila-bila masa dan dengan memberi notis tujuh (7) hari, menggabung atau menyatukan semua atau mana-mana Akaun anda (termasuk nama dagangan atau pemilik tunggal), dan untuk menolak selesai sebarang baki kredit (sama ada matang atau sebaliknya) dalam mana-mana satu atau lebih akaun sedemikian di mana sahaja ia bertempat (termasuk cawangan di luar negara) terhadap mana-mana liabiliti anda pada mana-mana akaun atau dalam apa-apa cara sekalipun, sama ada liabiliti tersebut adalah pada masa kini atau masa hadapan, sebenar atau luar jangka, utama atau tambahan, berasingan atau bersama.

7.2 Walaupun dengan adanya tolak selesai menurut Klausa 7.1, jika masih terdapat jumlah tertunggak yang perlu dibayar (termasuk di mana amaun tersebut disebabkan oleh penukaran mata wang menurut Klausa 7.3), anda mesti membayar jumlah yang tertunggak kepada kami dengan serta-merta. Kami boleh menolak sebarang pengeluaran daripada akaun tersebut sehingga semua jumlah tertunggak sedemikian telah dibayar balik sepenuhnya.

7.3 Di mana tolak selesai sedemikian memerlukan penukaran satu mata wang kepada yang lain, penukaran tersebut akan dikira berdasarkan kadar pertukaran semasa kami sendiri (yang kami akan tentukan pada budi bicara mutlak kami) pada tarikh tolak selesai tersebut.

7.4 Jika berlakunya sebarang keingkar atau tiada pembayaran oleh anda untuk apa-apa hutang lain, kewajipan atau liabiliti kepada kami, kami boleh menjual apa-apa Cagaran (ditakrifkan dalam Klausa 7.5) melalui jualan awam atau persendirian tanpa apa-apa prosiding kehakiman, dan mengekalkan prosid daripada jumlah keseluruhan

yang masih belum dibayar, termasuk semua kos, fi dan kos guaman (atas dasar indemniti), caj dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penjualan tersebut. Anda mesti membayar kami jumlah sebarang kekurangan dengan serta-merta apabila diminta.

- 7.5 “Cagaran” bermakna sebarang dana, dokumen, instrumen, catel, bon, debentur, saham atau sekuriti lain dan apa-apa barangan berharga yang dipegang oleh kami atas nama anda atau bagi pihak anda, termasuk Cagaran dalam simpanan selamat.

## **8. PENGGANTUNGAN DAN PENAMATAN**

- 8.1 Kami boleh, pada budi bicara mutlak kami, menamatkan Terma dan Syarat ini atau menggantung, menyahaktifkan atau membatalkan sebahagian atau semua Perkhidmatan tanpa apa-apa sebab pada bila-bila masa dengan memberikan notis kepada anda dan tanpa menanggung sebarang liabiliti.
- 8.2 Kami tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku penggantungan, penyahaktifan atau pembatalan Perkhidmatan sedemikian. Kami boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) menamatkan Terma dan Syarat ini dan menyahaktifkan Perkhidmatan jika anda gagal mengakses Perkhidmatan dalam bilangan percubaan sedemikian seperti yang ditentukan oleh kami.
- 8.3 Anda hanya boleh menamatkan Perkhidmatan dan Terma dan Syarat ini dengan memberi notis bertulis 30 hari terlebih dahulu kepada kami, dan notis tersebut hanya akan berkuat kuasa sebaik sahaja kami menerimanya.
- 8.4 Kami boleh menggantung, menyahaktifkan atau membatalkan Perkhidmatan jika kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa Arahan anda tidak dibenarkan, di mana kami boleh menamatkan Perkhidmatan dan Terma dan Syarat ini atau memerlukan anda untuk memohon semula ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, kod dan Token tanpa menanggung sebarang liabiliti.
- 8.5 Kami boleh (tetapi tidak diwajibkan untuk) bergantung kepada dan melaksanakan apa-apa Arahan yang kami terima sebelum penamatan, penggantungan atau pembatalan penggunaan Perkhidmatan. Anda boleh menukar Arahan tersebut, tertakluk kepada kebenaran bertulis kami terlebih dahulu, dan dengan syarat anda

mematuhi semua arahan, terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh kami, termasuk sebarang tarikh akhir dan tempoh notis untuk menukar Arahan.

- 8.6 Penamatan Perkhidmatan tidak akan menjejaskan mandat, arahan atau kebenaran sedia ada anda yang diberikan kepada kami berkenaan dengan Akaun anda yang ditadbir oleh peraturan dan pengawalan serta terma dan syarat sedia ada masing-masing.
- 8.7 Kewajipan anda untuk membayar semua fi, kos, caj, perbelanjaan dan jumlah yang tertunggak sehingga tarikh penamatan akan dikekalkan walaupun dengan penamatan dan/atau penggantungan Terma dan Syarat ini dan Perkhidmatan.
- 8.8 Anda mesti mengembalikan kepada kami Token dan apa-apa peranti, perkakasan atau peralatan sedemikian yang kami telah bekalkan kepada anda, dan menghapuskan apa-apa salinan dalam simpanan anda dengan serta-merta selepas penamatan Perkhidmatan dan Terma dan Syarat ini.

## **9. INDEMNITI PERTUKARAN ASING**

- 9.1 Apa-apa penukaran dari satu mata wang kepada yang lain berkaitan dengan Perkhidmatan akan dilaksanakan mengikut cara sedemikian yang kami tentukan pada budi bicara mutlak kami, dan pada kadar pertukaran lazim kami pada waktu tersebut. Sebarang kerugian, kos, caj dan risiko yang disebabkan oleh penukaran dari satu mata wang kepada yang lain berkaitan dengan Perkhidmatan akan ditanggung sepenuhnya oleh anda, dan anda membenarkan kami untuk mendebitkan apa-apa kerugian, kos atau caj sedemikian kepada mana-mana akaun anda dengan kami (sama ada ia dikaitkan kepada Perkhidmatan atau tidak).
- 9.2 Jika Akaun tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar apa-apa transaksi sepenuhnya, kami boleh melupuskan mana-mana kedudukan pertukaran asing anda dan membatalkan transaksi, dan anda akan bertanggungjawab untuk sebarang dan semua kerugian (termasuk kerugian pertukaran asing), ganti rugi, caj (termasuk fi penggantian) dan fi yang mungkin dikenakan.
- 9.3 Sebarang jumlah yang kami terima atau dapatkan semula berkenaan dengan apa-apa jumlah terhutang daripada anda di bawah Terma dan Syarat ini dalam mata wang ("Mata Wang Asing") selain mata wang yang dinyatakan ("Mata Wang

Berkontrak”) untuk apa-apa transaksi hanya akan dianggap sebagai pelepasan untuk anda setakat jumlah Mata Wang Berkontrak yang kami dapat, selaras dengan amalan lazim kami, membeli dengan jumlah yang diterima atau didapatkan kembali dalam Mata Wang Asing pada tarikh penerimaan atau pengembalian (atau pada tarikh pertama di mana adalah munasabah untuk berbuat demikian). Jika jumlah dalam Mata Wang Asing adalah kurang daripada jumlah dalam Mata Wang Berkontrak yang perlu dibayar kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini, anda akan melindungi kami daripada dan terhadap sebarang dan semua kerugian yang kami mungkin alami.

- 9.4 Anda akan melindungi kami daripada dan terhadap kos melakukan sebarang pembelian yang dinyatakan dalam Klausu 9.3.

## **10. HAK MILIK INTELEKTUAL**

- 10.1 Hak cipta dalam dan pada kandungan Laman Web (kecuali maklumat yang berkenaan dengan Akaun anda atau maklumat yang peribadi kepada anda dalam keupayaan anda sebagai pelanggan) adalah dimiliki oleh atau dilesenkan untuk kegunaan kami.
- 10.2 Tiada bahagian dalam kandungan boleh dikeluarkan semula, diedarkan, diterbitkan, diubahsuai, dipaparkan, disiarkan, dipautkan atau dihantar dalam apa-apa cara atau disimpan dalam apa-apa bentuk dalam sistem dapatan semula maklumat tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu.
- 10.3 Cap dagangan dan perkhidmatan yang dipaparkan di Laman Web ialah milik tunggal dan eksklusif kami dan/atau hak milik eksklusif pihak ketiga lain yang berkaitan. Tiada hak atau lesen akan diberikan bagi apa-apa pengeluaran semula penggunaan mana-mana cap dagangan dan perkhidmatan tersebut.

## **11. PENAFIAN**

- 11.1 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ganti rugi atau kerugian dalam apa-apa bentuk, termasuk ganti rugi secara langsung, tidak langsung, sampingan, khas atau lanjutan, perbelanjaan atau kerugian yang timbul daripadanya atau yang berkaitan dengan penggunaan atau



ketidakupayaan anda untuk menggunakan Laman Web, atau berhubung dengan sebarang kesilapan, peninggalan, kerosakan, virus komputer atau kegagalan sistem, atau kehilangan sebarang keuntungan, niat baik atau reputasi, walaupun telah menerima nasihat jelas mengenai kemungkinan kerugian atau ganti rugi sedemikian, yang timbul daripada atau berhubung dengan akses, penggunaan, prestasi, melayari atau pautan ke laman web lain dari Laman Web.

11.2 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian, ganti rugi, atau rasa malu yang ditanggung atau dialami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga berhubung dengan :

- (a) kegagalan anda untuk memberi arahan yang tepat, lengkap dan tepat pada masanya kepada kami di bawah Perkhidmatan atau kegagalan anda untuk mematuhi Terma dan Syarat ini;
- (b) ketidakupayaan anda untuk melaksanakan mana-mana transaksi disebabkan oleh had yang ditetapkan oleh kami;
- (c) apa-apa kesilapan, pengubahan, pemusnahan Arahan, data atau maklumat kepada atau daripada kami melalui Perkhidmatan dan internet;
- (d) apa-apa pencerobohan atau serangan oleh mana-mana individu atau pihak atau sebarang perkakasan, perisian atau sistem yang digunakan berhubung dengan Perkhidmatan atau di internet, termasuk virus, kuda trojan, *worms* dan/atau makro atau komponen berbahaya lain atau menyahdayakan peranti yang boleh menggantung, mengganggu atau melumpuhkan Perkhidmatan;
- (e) apa-apa sekatan atau larangan terhadap penggunaan Perkhidmatan oleh sebarang undang-undang atau peraturan mana-mana negara dari mana anda mengakses Perkhidmatan;
- (f) ketidakcukupan dana dalam mana-mana Akaun anda;
- (g) apa-apa kerugian atau ganti rugi yang disebabkan oleh peralatan, pembekal pelayar internet atau oleh pembekal perkhidmatan internet atau agen atau sub-kontraktor mereka;
- (h) apa-apa kerosakan atau pincang tugas sebarang peralatan, sistem atau perisian yang digunakan berhubung dengan Perkhidmatan, sama ada ia milik kami atau tidak, termasuk mana-mana terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti telekomunikasi, sambungan, bekalan elektrik, bekalan kuasa, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem komunikasi lain atau mana-mana

bahagian sistem pemindahan dana elektronik jika anda telah melakukan penipuan atau akibat daripada keingkaran sengaja anda.

- (i) sebarang penggunaan, penyalahgunaan, penggunaan atau penyalahgunaan yang dimaksudkan, kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran untuk PIN, Kata Laluan, kod atau ID Pengguna anda dan/atau penggunaan atau penyalahgunaan Perkhidmatan yang dimaksudkan yang disebabkan oleh anda;
- (j) kegagalan anda untuk mematuhi arahan, prosedur dan perintah terkini untuk penggunaan Perkhidmatan;
- (k) kerosakan atau kehilangan sebarang data atau arahan atau semasa penghantaran, sama ada melalui Perkhidmatan atau sebaliknya digunakan oleh mana-mana pihak ketiga yang lain sama ada berhubung dengan Akaun anda atau Perkhidmatan atau tidak;
- (l) dana dalam Akaun tidak tersedia untuk penggunaan sebab ia telah diperuntukkan atau diberikan kepada kami sebagai jaminan, atau kami melaksanakan lien ke atas dana di dalam Akaun, atau menurut hak kami di bawah pelbagai terma dan syarat standard yang mentadbir pelbagai kemudahan dan perkhidmatan perbankan; atau
- (m) kami mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa sesuatu penipuan, tindakan jenayah, kesalahan atau pelanggaran sebarang undang-undang atau peraturan telah atau akan dilakukan.

11.3 Maklumat dalam Laman Web disediakan untuk maklumat am sahaja. Anda tidak boleh bergantung pada atau menggunakan maklumat ini sebagai asas untuk melakukan keputusan perniagaan. Kami tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada pergantungan anda pada mana-mana bahan atau maklumat di Laman Web.

11.4 Kami boleh menyediakan pautan ke laman web lain untuk tujuan maklumat, dan untuk membolehkan anda membeli barangan dan perkhidmatan, atau melakukan pembayaran bil dalam talian melalui pautan yang disediakan di Laman Web (“Pautan Pihak Ketiga”). Kami tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Akses kepada apa-apa Pautan Pihak Ketiga adalah pada risiko anda sendiri.

- 11.5 Kami tidak melakukan sebarang pengendorsan atau jaminan mengenai kandungan, produk yang dibeli dalam talian atau perkhidmatan pembayaran dalam talian yang diperoleh melalui Perkhidmatan, atau ketersediaan atau kebolehcapaian Pautan Pihak Ketiga sedemikian. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi yang timbul daripada penggunaan atau pergantungan anda untuk kandungan, maklumat, barangan atau perkhidmatan sedemikian yang disediakan di laman web dan sumber luaran sedemikian melalui Pautan Pihak Ketiga tersebut.
- 11.6 Semua bahan yang berkenaan dengan pembelian barangan atau perkhidmatan, atau pembayaran bil dalam talian adalah semata-matanya antara anda dan pihak ketiga yang berkenaan. Kami tidak terlibat dalam transaksi tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk –
- (a) kegagalan untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan;
  - (b) kegagalan untuk menyediakan barangan dan perkhidmatan selaras dengan kontrak bagi kuantiti, kualiti dan jenis;
  - (c) pendebitan yang salah dalam akaun anda berhubung dengan pembayaran barangan dan perkhidmatan atau melakukan pembayaran bil dalam talian;
  - (d) kelewatan dalam penyediaan barangan dan perkhidmatan; atau
  - (e) pelanggaran sebarang undang-undang yang digunakan dalam penyediaan barangan dan perkhidmatan oleh pihak ketiga.
- 11.7 Kami tidak melakukan sebarang perwakilan dan jaminan berhubung dengan, antara lain, laporan kewangan, ekonomi atau akaun, maklumat, data atau statistik yang disediakan dalam atau melalui Laman Web dan Perkhidmatan (kecuali maklumat yang berkaitan dengan Akaun anda).
- 11.8 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kegagalan apa-apa perkhidmatan atau untuk sebarang ganti rugi, kerugian atau perbelanjaan (termasuk ganti rugi langsung, tidak langsung, khas atau lanjutan atau kerugian ekonomi) yang timbul walaupun dengan usaha terbaik kami dan selagi kami bertindak dengan niat baik, termasuk melalui sebarang –
- (a) akses, penggunaan, tidak boleh mengakses atau menggunakan Laman Web;
  - (b) pemasangan mana-mana perisian atau perkakasan dengan tidak betul;

- (c) kesilapan dalam sistem, pelayan atau sambungan, kegagalan, turun naik, ketidaktepatan, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau transmisi atau virus komputer;
- (d) penggunaan, pembelian atau penjualan apa-apa perkhidmatan, maklumat produk atau data yang diperoleh dari Laman Web atau daripada laman web yang dipautkan kepada Laman Web;
- (e) kegagalan untuk menghantar atau mengesahkan e-mel internet;
- (f) tindakan atau peninggalan oleh pembekal perkhidmatan internet;
- (g) kesilapan dalam penghantaran arahan, data atau maklumat kepada atau daripada kami;
- (h) arahan yang tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan daripada anda; atau
- (i) akses tanpa kebenaran oleh pihak ketiga kepada apa-apa maklumat yang dihasilkan akibat penggunaan Perkhidmatan dan/atau Laman Web oleh anda.

11.9 Walaupun langkah sewajarnya telah diambil untuk menyediakan maklumat dan bahan-bahan yang tersedia di Laman Web, maklumat dan bahan-bahan yang disediakan di Laman Web (kecuali maklumat mengenai Akaun anda atau maklumat peribadi anda dalam kapasiti anda sebagai pelanggan kami) disediakan pada dasar “sedia ada” dan “sebagaimana tersedia” tanpa apa-apa jaminan. Kami tidak melakukan sebarang perwakilan mengenai sifat, kualiti, kecepatan atau prestasi Perkhidmatan atau mana-mana perkhidmatan yang diperoleh melalui Laman Web.

11.10 Anda menerima tanggungjawab sepenuhnya atas sebarang kerosakan kepada sistem komputer anda dan apa-apa kehilangan data akibat memuat turun sebarang bahan dari Laman Web. Dengan melanggan Perkhidmatan ini, anda dengan ini juga mengakui dan bersetuju untuk menerima risiko sedia ada yang berkaitan dengan transaksi yang dilaksanakan melalui internet.

## **12. INDEMNITI PELANGGAN**

12.1 Dengan menggunakan dan terus menggunakan Perkhidmatan dan/atau mengakses dan menggunakan produk dan perkhidmatan yang disediakan melalui Perkhidmatan, anda berjanji untuk melindungi kami dan Kumpulan kami dengan sepenuhnya dan dengan berkesan daripada dan terhadap sebarang dan semua tindakan, liabiliti, kos, tuntutan, kerugian, ganti rugi, prosiding dan/atau perbelanjaan (termasuk semua kos

guaman atas dasar indemniti) yang kami mungkin alami berhubung dengan penyediaan Perkhidmatan, yang termasuk:

- (a) penggunaan Perkhidmatan oleh anda;
- (b) mana-mana Arahan tanpa kebenaran yang mungkin dihantar melalui Perkhidmatan atau mana-mana Arahan yang tidak tepat, mengelirukan atau tidak lengkap;
- (c) usaha kami untuk mendapatkan kembali atau percubaan kami untuk mendapatkan kembali daripada anda sebarang wang yang perlu dibayar kepada kami, atau penguatkuasaan Terma dan Syarat ini atau berkaitan dengan apa-apa penglibatan kami dalam sebarang prosiding dalam apa-apa bentuk untuk melindungi atau berhubung dengan Perkhidmatan ;
- (d) apa-apa perubahan dalam sebarang undang-undang, peraturan atau arahan rasmi yang mungkin mempunyai kesan yang ketara ke atas Terma dan Syarat ini atau kami; dan
- (e) apa-apa pelanggaran oleh anda untuk sebarang tanggungjawab anda yang disediakan dalam Terma dan Syarat ini;
- (f) mana-mana individu untuk atau berhubung dengan sebarang tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan kembali wang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini; dan
- (g) apa-apa sebab yang berkaitan dengan Perkhidmatan atau Terma dan Syarat ini.

12.2 Bagi tujuan Klausula 12 ini, kami akan dianggap telah melantik bagi pihak dan bagi manfaat semua individu yang merupakan atau mungkin merupakan pengarah, kakitangan, nomini dan agen dari semasa ke semasa dan semua individu sedemikian, akan setakat ini menjadi atau dianggap sebagai pihak dalam Terma dan Syarat ini.

### **13. LIABILITI**

13.1 Terma dan Syarat ini (termasuk, jika sejajar, dokumen yang dinyatakan dalam Klausula 2) merupakan perjanjian keseluruhan antara anda dan kami. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami atau Kumpulan tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan untuk sebarang kerugian perniagaan, keuntungan atau nama baik atau bagi apa-apa ganti rugi tidak langsung, khas atau lanjutan dalam

apa-apa bentuk yang timbul dalam apa-apa cara, termasuk penggunaan atau ketidakupayaan anda untuk menggunakan Perkhidmatan atau daripada kesilapan, kesan, penangguhan atau kegagalan dalam penghantaran atau operasi.

- 13.2 Jika kami didapati bertanggungjawab akibat daripada penyediaan Perkhidmatan, liabiliti kami yang timbul untuk apa-apa sebab sekalipun akan dihadkan kepada kerugian atau ganti rugi langsung yang mungkin semunasabahnya dijangkakan berlaku akibat daripada keadaan berkenaan dalam pengendalian lazim kami, dan hanya jika kerugian atau ganti rugi tersebut disebabkan oleh kecuiaan melampau atau keingkaran sengaja kami. Tahap liabiliti tersebut akan ditentukan pada budi bicara mutlak kami, tanpa mengira tahap kerugian atau ganti rugi berkenaan.
- 13.3 Anda bersetuju bahawa liabiliti kami kepada anda hanyalah dalam kontrak, tort (termasuk kecuiaan atau pelanggaran kewajipan berkanun) atau sebaliknya yang timbul berhubung dengan Terma dan Syarat ini dan Perkhidmatan tidak akan melebihi jumlah transaksi terlibat yang membawa kepada tuntutan atau ganti rugi langsung yang ditanggung, yang mana lebih rendah.

#### **14. KEADAAN DI LUAR KAWALAN KAMI**

- 14.1 Jika kami tidak dapat mematuhi atau melaksanakan Terma dan Syarat ini secara keseluruhan atau sebahagian akibat sebab-sebab di luar kawalan kami, termasuk kerosakan peralatan, sistem atau sambungan penghantaran, kegagalan atau sabotaj, kebakaran, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, kemalangan, wabak penyakit, mogok, sekat masuk, gangguan atau kegagalan bekalan elektrik, pertikaian pekerja, tindakan, tuntutan atau syarat-syarat daripada mana-mana kerajaan atau pengawal selia atau bidang kuasa yang berwibawa, atau oleh apa-apa sebab lain yang kami tidak dapat dijangka untuk mengelakkan dengan sewajarnya, pelaksanaan tanggungjawab kami yang terjejas oleh sebab-sebab tersebut akan dikecualikan selagi sebab-sebab tersebut berterusan.
- 14.2 Kami tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun untuk sebarang kelewatan, kerugian, kerosakan atau kekacauan akibat daripada apa-apa sebab yang dinyatakan di atas.

#### **15. PENDEDAHAN MAKLUMAT**

15.1 Anda bersetuju bahawa kami (termasuk pegawai, kakitangan, agen atau mana-mana individu lain yang dibenarkan oleh kami untuk mengakses rekod kami, surat-menyurat atau sebarang bahan berhubung dengan anda atau Akaun) boleh mendedahkan pada bila-bila masa pada budi bicara mutlak kami dan tanpa memaklumkan anda terlebih dahulu sebarang maklumat berkaitan dengan anda, mana-mana Individu yang Diluluskan, Pentadbir Syarikat, Pengguna Syarikat, Penandatanganan Syarikat atau sesuatu Akaun, kepada pihak berikut:-

- (a) mana-mana ahli Kumpulan bagi sebarang tujuan berikut:-
  - (i) menyediakan anda dengan perkhidmatan perbankan;
  - (ii) pelaporan;
  - (iii) pemadanan data;
  - (iv) mempromosi, meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh kami atau mana-mana ahli Kumpulan kepada anda;
  - (v) pencegahan penipuan atau jenayah;
  - (vi) menyiasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan pengubahan wang haram atau apa-apa aktiviti jenayah lain;
  - (vii) kutipan hutang;
  - (viii) khidmat sumber luar;
  - (ix) pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
  - (x) memudahkan pelaksanaan tugas kami atau mana-mana fungsi ahli Kumpulan;
  - (xi) pematuhan pada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan;
  - (xii) pelaksanaan peraturan korporat;
  - (xiii) sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas kami.
- (b) mana-mana Pelanggan Gabungan yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan;
- (c) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau perkhidmatan lain kepada kami untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, menyenggara dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;

- (d) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh kami untuk tujuan menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
- (e) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu penyiasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
- (f) bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
- (g) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
- (h) pencetak alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan, dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggarakannya, serta pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh kami;
- (i) mana-mana penerima yang dilantik oleh kami atau mana-mana pihak lain;
- (j) mana-mana biro kredit di mana kami adalah ahli, dan mana-mana ahli dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
- (k) mana-mana agensi penarafan, pembekal insurans atau broker insurans atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
- (l) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab kami di bawah perjanjian perbankan di antara kami dan anda, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana daripada mereka;
- (m) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan;
- (n) mana-mana individu di mana kami, atau mana-mana ahli Kumpulan, dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
- (o) mana-mana individu lain di mana pendedahan sedemikian dianggap sebagai untuk kepentingan kami, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan (tidak termasuk perkongsian strategik untuk tujuan pemasaran dan promosi);
- (p) mana-mana individu yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau perlindungan sebarang hak kami di bawah Terma dan Syarat ini;



- (q) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
- (r) mana-mana pengarah anda; dan
- (s) mana-mana individu yang berkaitan dengan sebarang tindakan atau prosiding yang diambil untuk mendapatkan kembali wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh anda kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini.

15.2 Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda untuk pendedahan sebarang maklumat kepada mana-mana individu mengenai diri anda, Akaun dan/atau akaun lain anda dengan Kumpulan berhubung dengan anda atau Individu yang Diluluskan, Pentadbir Syarikat, Pengguna Syarikat, Penandatanganan Syarikat yang mengabaikan atau gagal menyimpan ID Pengguna, Kata Laluan, kod dan PIN dengan sulit, atau kegagalan anda untuk mengambil tindakan segera setelah mengetahui bahawa keselamatan dan/atau kerahsiaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, kod dan/atau Token telah terjejas, termasuk menukar ID Pengguna, PIN, Kata Laluan, kod dan/atau Token dan memaklumkan kami mengenai yang sama dengan serta-merta setelah mengetahui sebarang kompromi terhadap keselamatan dan/atau kerahsiaan ID Pengguna, PIN, Kata Laluan dan/atau kod.

15.3 Klausula 15.2 akan terus wujud selepas penamatan Terma dan Syarat ini.

## **16. PERLINDUNGAN DATA**

16.1 Anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan kami dan juga di Laman Web) dan klausa dalam Terma dan Syarat ini yang mungkin berkaitan dengan pemrosesan Data Peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, anda bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap telah dimasukkan sebagai rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.

16.2 Anda bersetuju dan mengizinkan bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Kumpulan akan diberi tahap perlindungan yang munasabah terhadap apa-apa kehilangan, salah guna, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, perubahan atau pemotongan.

- 16.3 Jika anda menyediakan Data Peribadi berhubung dengan pihak ketiga, termasuk data berhubung dengan waris terdekat dan tanggungan anda (di mana anda seorang individu) atau data berhubung dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan pembekal keselamatan anda (di mana anda merupakan sebuah syarikat), bagi tujuan pembukaan atau pengendalian Perkhidmatan, dengan kami atau sebaliknya untuk melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda:
- (a) mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya selaras dengan Terma dan Syarat ini;
  - (b) berjanji bahawa anda telah memaklumkan pihak ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di Laman Web;
  - (c) telah memaklumkan pihak ketiga sedemikian:-
    - (i) bahawa kami mungkin mengumpul atau mengesahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga;
    - (ii) bahawa kami boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi kami;
  - (d) bersetuju untuk memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga sedemikian adalah tepat;
  - (e) bersetuju untuk mengemas kini kami secara bertulis jika terdapat sebarang perubahan ketara kepada data peribadi dan kewangan tersebut; dan
  - (f) bersetuju kepada hak kami untuk menamatkan Terma dan Syarat ini dan Perkhidmatan jika persetujuan sedemikian ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.
- 16.4 Di mana anda mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk data yang berkaitan dengan pihak yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan kewajipan sah mereka (contoh, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/atau agen kami untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak anda, anda bersetuju dengan pendedahan di atas bagi pihak anda dan individu lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.

- 16.5 Selain itu, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau tanggungjawab) yang digunakan ke atas kami dan Kumpulan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), anda bersetuju bahawa kami dan Kumpulan, serta pedagang dan rakan strategik kami boleh menghubungi anda mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran yang kami percaya mungkin menarik minat anda atau memanfaatkan anda dari segi kewangan. Walau dengan apa-apapun yang tersebut di atas, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi anda (tidak termasuk data yang berhubung dengan hal ehwal anda dan Perkhidmatan) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik kami di mana persetujuan nyata anda telah diperolehi terlebih dahulu.
- 16.6 Anda boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada kami dan Kumpulan dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi, Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur' (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh kami) dengan permintaan anda dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini anda kepada kami.
- 16.7 Anda mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan Laman Web mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penghantaran/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, pengendalian Perkhidmatan dan/atau kemudahan dengan kami, dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada anda.
- 16.8 Anda berhak untuk meminta secara bertulis:
- (a) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami, pada pembayaran fi yang ditetapkan;
  - (b) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami yang perlu dikemaskini, dipinda dan/atau diperbetulkan;
  - (c) untuk kami menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
  - (d) untuk membuat pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi anda oleh kami.

Untuk pertanyaan di bawah (a) atau (b), anda boleh membuat permintaan kepada kami melalui Borang Permintaan Mengakses Data atau Borang Permintaan

Membetulkan Data masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan-cawangan kami dan di Laman Web.

Anda boleh mengarahkan semua permintaan anda ke mana-mana cawangan kami atau ke 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur'.

Kami boleh mengenakan fi untuk memproses permintaan anda untuk akses atau pembetulan. Kami juga mungkin enggan mematuhi permintaan anda berkenaan dengan (a) atau (b) di atas jika maklumat yang diberikan oleh anda tidak mencukupi (sebagaimana yang kami tentukan) atau di mana permintaan sedemikian boleh memungkir atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan pada kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan tersebut, kami akan memaklumkan anda mengenai keengganan dan sebab keengganan kami.

- 16.9 Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut sentiasa dikemaskinikan.
- 16.10 Sila maklum bahawa jika anda kemudiannya menarik balik kebenaran anda untuk memproses Data Peribadi anda seperti yang diberikan sebelum ini kepada kami, kami tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi anda berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Dengan itu, kami berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, Perkhidmatan dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan Data Peribadi sedemikian.
- 16.11 Kami berhak untuk meminda Klausula 16 ini dari semasa ke semasa pada budi bicara tunggal kami dan akan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan apa-apa pindaan sedemikian di Laman Web atau meletakkan notis di ruang perbankan atau di kawasan utama dalam cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang kami anggap sesuai.
- 16.12 Klausula 16 ini tidak akan menjejaskan sebarang klausula lain dalam Terma dan Syarat ini yang menyediakan pendedahan data.

## 17. NOTIS DAN KOMUNIKASI

17.1 Sebarang notis yang perlu diberikan berkenaan dengan Perkhidmatan oleh kami kepada anda boleh diberikan dalam apa-apa cara berikut sebagaimana yang ditentukan oleh kami pada budi bicara mutlak kami:

- (a) Melalui mel elektronik kepada alamat e-mel anda yang terakhir diketahui dalam rekod kami. Notis tersebut akan dianggap telah diterima 24 jam selepas penghantaran.
- (b) Melalui faksimili atau teleks untuk nombor faksimili atau teleks yang terakhir diketahui dalam rekod kami. Notis sedemikian akan dianggap telah diterima selepas pengesahan penghantaran dari mesin penghantar.
- (c) Melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier yang dihantar atau ditinggalkan di alamat terakhir anda yang didaftarkan dengan kami. Notis sedemikian akan dianggap diterima oleh anda dalam tempoh lima Hari Perniagaan daripada tarikh penghantaran jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar, dan dalam masa lima (5) Hari Perniagaan jika dihantar melalui kurier.
- (d) Melalui paparan notis di premis cawangan atau Laman Web kami. Notis sedemikian akan dianggap berkuatkuasa dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh paparan tersebut.
- (e) Melalui iklan atau notis am dalam satu akhbar utama negara. Notis sedemikian akan dianggap berkuatkuasa daripada tarikh notis tersebut atau tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, sebagaimana kes yang mungkin berlaku.

17.2 Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, sebarang notis (tidak termasuk Arahan) yang perlu dihantar oleh anda kepada kami boleh diberikan dalam mana-mana cara berikut:

- (a) Melalui Perkhidmatan ini kepada kami. Notis sedemikian akan dianggap telah diterima sebaik sahaja anda menerima pengesahan penerimaan tersebut melalui mel elektronik daripada sistem kami.
- (b) Melalui sebarang Saluran Komunikasi yang Diluluskan kepada Pusat Panggilan (perkhidmatan perbankan 24 jam (termasuk tetapi tidak terhad

kepada perkhidmatan faks) yang disediakan oleh kami kepada anda melalui penggunaan talian telefon tetap atau apa-apa komunikasi sama yang lain yang kami mungkin tentukan). Notis sedemikian akan dianggap telah diterima oleh kami mengikut masa yang ditetapkan berkenaan dengan Saluran Komunikasi sedemikian yang Diluluskan.

- (c) Melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier yang dihantar kepada atau ditinggalkan di cawangan di mana Akaun dikekalkan. Notis sedemikian akan dianggap diterima oleh kami dalam tempoh lima Hari Perniagaan daripada tarikh penghantaran jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar, dan dalam tempoh tiga Hari Perniagaan jika dihantar melalui kurier.

17.3 Kami tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa yang mungkin terjadi kepada notis atau komunikasi selepas ia dihantar, contohnya, jika apa-apa notis atau komunikasi ditangguhkan, dipintas, hilang, gagal untuk diterima atau didedahkan kepada mana-mana pihak semasa transit.

17.4 Anda mesti memaklumkan kami dengan serta-merta mengenai sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda, nombor telefon atau faksimili atau mel elektronik anda, alamat surat-menyurat dan/atau alamat kediaman anda secara bertulis atau melalui Saluran Komunikasi yang Diluluskan.

17.5 Berhubung dengan aktiviti transaksi akaun berkenaan dengan Akaun, sila maklum bahawa yang sama boleh diperolehi melalui Perkhidmatan. Penyata fizikal Akaun akan dihantar kepada anda melalui pos biasa secara berkala ke alamat terakhir anda yang didaftarkan dengan kami.

## 18. PINDAAN

Kami boleh, pada bila-bila masa pada budi bicara mutlak kami, mengubah, menambah, mengeluarkan atau meminda Terma dan Syarat ini berhubung dengan Perkhidmatan, caj atau caj pengendalian dengan memberikan anda notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, sama ada melalui penyata akaun anda, ePenyata atau melalui paparan di Laman Web atau dalam apa-apa cara lain yang kami pilih. Perubahan atau pertukaran tersebut akan berkuat kuasa daripada tarikh yang dinyatakan dalam notis. Jika anda tidak menerima pindaan tersebut, anda mesti menamatkan penggunaan Perkhidmatan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh

pemakluman, jika tidak, anda akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan perubahan tersebut dan perubahan tersebut akan mengikat anda.

## **19. PENEPIAN**

Pengecualian bagi sebarang pelanggaran atau keingkaran mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini oleh anda tidak akan dianggap sebagai penepian bagi sebarang pelanggaran berikutnya untuk peruntukan yang sama atau yang lain, dan apa-apa kelewatan atau peninggalan oleh pihak kami untuk melaksanakan atau melindungi sebarang hak, kuasa atau keistimewaan yang kami miliki atau mungkin miliki tidak akan digunakan sebagai penepian apa-apa pelanggaran atau keingkaran oleh anda.

## **20. KETIDAKSAHAN SEBARANG PERUNTUKAN/KEBOLEHASINGAN**

Sebarang peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan menjejaskan tujuan dasar Terma dan Syarat ini, dan peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut akan diasingkan, dan tidak akan menjejaskan kesahan atau penguatkuasaan terma dan peruntukan lain, yang akan kekal berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya.

## **21. PEMATUHAN PADA PERINTAH MAHKAMAH**

Kami dan Kumpulan boleh bertindak dalam apa-apa cara yang kami anggap sesuai, tanpa berunding dengan anda terlebih dahulu, jika kami dikemukakan dengan suatu perintah mahkamah oleh mahkamah daripada sebarang bidang kuasa. Anda bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan kami untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan kami.

## **22. PERMINTAAN MAKLUMAT**

- 22.1 Anda mesti menyediakan dan mendedahkan kepada kami dalam tempoh yang kami tentukan, sebarang maklumat, kenyataan dan penjelasan yang kami anggap perlu berkenaan dengan Akaun bagi:

- a) mematuhi undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram atau pencegahan keganasan); dan/atau
- b) menguruskan risiko pengubahan wang haram atau risiko pembiayaan keganasan atau risiko sekatan ekonomi dan perdagangan.

22.2 Sementara menunggu penerimaan maklumat daripada anda dan sehingga kami telah mengesahkan maklumat tersebut pada kepuasan kami, kami tidak wajib untuk meneruskan sebarang transaksi atau pembayaran.

22.3 Anda mengakui dan berjanji kepada kami bahawa pemprosesan sebarang transaksi tidak akan melanggar sebarang undang-undang atau sekatan di Malaysia atau di mana-mana negara lain. Kami tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian yang timbul daripada kelewatan atau kegagalan untuk memproses sebarang transaksi yang disebabkan oleh maklumat atau dokumentasi yang tidak mencukupi daripada anda.

## **23. PENYIMPANAN REKOD ANDA**

Anda bersetuju bahawa kami tidak diwajibkan untuk mengekalkan sebarang rekod anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana borang pembukaan, dokumen transaksi, penyata akaun, surat-menyurat atau dokumen yang diberikan kepada kami oleh anda atau mana-mana pihak ketiga yang lain, yang melebihi sebarang tempoh pengekalan seperti yang dinyatakan di bawah polisi dalaman, garis panduan dan prosedur kami dan/atau sebagaimana yang diperuntukkan di bawah sebarang undang-undang yang digunakan atau pengawalan mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

## **24. PERLINDUNGAN HAK DAN KELAYAKAN**

Hak dan kelayakan kami di bawah Terma dan Syarat ini akan terus berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya, dan akan terlindung daripada sebarang pembatalan, pemansuhan atau penggantungan penggunaan Perkhidmatan.

## **25. PERUBAHAN DALAM PERLEMBAGAAN**



Terma dan syarat ini akan kekal sah dan mengikat untuk semua tujuan, walaupun terdapat perubahan dalam perlembagaan kami.

## **26. TRANSAKSI YANG MENYALAHИ UNDANG-UNDANG**

Anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika kami mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Perkhidmatan ini telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, kami boleh mengambil apa-apa tindakan yang kami anggap sesuai dalam usaha kami untuk memenuhi kewajipan atau syarat di Malaysia atau di tempat lain di dunia berhubung dengan pencegahan apa-apa aktiviti menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, pengubahan wang haram, aktiviti pengganas, sogokan, rasuah atau pengelakan cukai atau penguatkuasaan apa-apa sekatan ekonomi atau perdagangan. Tindakan yang kami ambil mungkin termasuk menggantung atau menamatkan penggunaan Perkhidmatan dengan serta-merta, membuat laporan dan mengambil tindakan yang sewajarnya yang kami mungkin tentukan pada budi bicara mutlak kami.

## **27. PENYERAHAN HAK**

Kami boleh pada bila-bila masa dan tanpa persetujuan anda menyerahkan semua atau mana-mana hak, hak milik dan kepentingan kami di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana individu atau perbadanan. Anda tidak boleh menyerahkan mana-mana hak dan kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini.

## **28. UNDANG-UNDANG YANG MENTADBIR DAN BIDANG KUASA/PERKHIDMATAN PROSES UNDANG-UNDANG**

- 28.1 Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia. Anda dengan ini bersetuju:
- (a) bahawa kami boleh pada budi bicara mutlak kami memilih untuk memulakan sebarang prosiding apa-apa sekalipun terhadap anda di mahkamah Malaysia atau di mana-mana bahagian lain di dunia;
  - (b) bahawa sebarang prosiding apa-apa sekalipun terhadap kami boleh dimulakan oleh anda hanya di mahkamah Malaysia kecuali kami bersetuju sebaliknya secara bertulis;

- (c) bahawa sebarang penghakiman atau perintah mahkamah yang diambil terhadap kami tidak boleh dikuatkuasakan atau dilaksanakan terhadap mana-mana cawangan luar negara kami;
- (d) bahawa anda tidak akan membantah dan dengan ini mengetepikan apa-apa bantahan yang anda mungkin layak terhadap sebarang prosiding undang-undang yang dibawa atau dilaksanakan di Malaysia atas alasan bahawa ia bukan tempat atau forum yang sesuai untuk anda atau pada apa-apa alasan yang sama; dan
- (e) untuk membenarkan mana-mana proses undang-undang disampaikan atau dihantar kepada anda melalui pos berdaftar atau biasa atau dalam apa-apa cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang berkaitan.

28.2 Penggunaan Perkhidmatan di luar Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan Malaysia dan negara di mana transaksi tersebut dilaksanakan atau diminta. Anda bertanggungjawab untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Sebarang penggunaan Perkhidmatan di luar Malaysia adalah pada risiko anda sendiri. Untuk panduan berhubung dengan keadaan tertentu anda, sila berunding dengan penasihat undang-undang anda.

28.3 Tiada apa-apa dalam Terma dan Syarat ini boleh ditafsirkan sebagai penyediaan perkhidmatan perbankan dan kemudahan oleh kami di luar Malaysia.

28.4 Sebagai tambahan kepada dan bukan pengganti untuk apa-apa cara perkhidmatan yang mungkin dibenarkan atau ditetapkan oleh sebarang undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini, sebarang perkhidmatan Proses Undang-undang oleh atau bagi pihak kami boleh dilaksanakan ke atas anda:

- (a) dengan meninggalkan satu salinan di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan akan dianggap telah diterima oleh anda pada hari ia ditinggalkan di alamat tersebut; atau
- (b) dengan menghantar satu salinan melalui pos berdaftar prabayar atau pos biasa ke alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan atau dalam apa-apa komunikasi yang dikatakan telah dikeluarkan oleh anda kepada kami atau yang terakhir diketahui kami dan akan dianggap telah diterima oleh anda

pada hari ketiga (ke-3) (termasuk hari pengeposan) dari tarikh ia dihantar, walaupun ia tidak dapat dihantar atau dikembalikan.

## 29. PENYELESAIAN ADUAN/PERTIKAIAN

29.1 Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan atau pertikaian untuk dikemukakan, sila nyatakan jenis aduan atau pertikaian tersebut dan merujuk perkara tersebut kepada:-

### **Pusat Panggilan UOB**

Peti Surat 11212

50738 Kuala Lumpur

E-mel: [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my)

29.2 Setelah kami menerima aduan atau tuntutan anda, kami akan berusaha untuk memberi maklum balas kepada anda dalam tempoh empat belas (14) Hari Perniagaan daripada tarikh kami menerima aduan atau tuntutan tersebut daripada anda. Anda memahami dan bersetuju sepenuhnya bahawa tempoh empat belas (14) hari adalah tertakluk kepada penerimaan semua dokumen sokongan yang kami mungkin perlukan daripada anda untuk kami meneruskan dan menyelesaikan siasatan kami. Jika kami tidak dapat menyelesaikan aduan atau tuntutan anda dalam tempoh masa yang ditetapkan, kami akan memaklumkan anda secara bertulis ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam sistem kami untuk apa-apa lanjutan masa yang tidak akan melebihi tiga puluh (30) hari daripada tarikh aduan atau tuntutan tersebut diterima.

29.3 Anda dengan ini mengakui bahawa sekiranya kami mempercayai atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa tuntutan atau maklumat yang diberikan oleh anda kepada kami berhubung dengan aduan atau pertikaian adalah palsu dan tidak tepat, kami berhak untuk menolak tuntutan atau maklumat tersebut dan kami boleh mengambil tindakan sedemikian yang tersedia kepada kami terhadap anda.

*[baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]*